

**FALSAFAH KEBAHAGIAAN AL-GHAZĀLĪ  
DALAM *KĪMĪYĀ' AL-SA'ĀDAH*: ANALISIS  
PERSEPSI WARGA EMAS TENTANG KONSEP  
*SA'ĀDAH***

**NURUL HIDAYAWATIE BINTI MUSTAFFA**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2022**

**FALSAFAH KEBAHAGIAAN AL-GHAZĀLĪ  
DALAM *KĪMĪYĀ' AL-SA'ĀDAH*: ANALISIS  
PERSEPSI WARGA EMAS TENTANG KONSEP  
*SA'ĀDAH***

oleh

**NURUL HIDAYAWATIE BINTI MUSTAFFA**

**Tesis ini diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**September 2022**

## PENGHARGAAN



Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Syukur ke hadrat Allah Subhānahu wa Ta'ālā, kerana berkat limpah kurnia dan daya pertolongan dengan izin-Nya, telah memberi kesihatan yang baik, kesabaran dan semangat untuk menyiapkan kajian ini.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Prof. Dr. Noor Shakirah binti Mat Akhir, selaku penyelia kajian ini. Terima kasih kerana telah memberi kepercayaan kepada pengkaji untuk melakukan kajian lapangan, serta sabar dalam memberi tunjuk ajar, nasihat, teguran dan menyumbangkan idea kepada pengkaji sepanjang kajian ini dijalankan. Tanpa bimbingan dan penyeliaan yang berkesan, penulisan ini tidak mungkin dapat disiapkan dengan jayanya. Semoga kejayaan menyiapkan kajian ini menjadi lambang kepada kecemerlangan penyeliaan beliau. Pengorbanan masa dan tenaga yang beliau curahkan amatlah dihargai.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan ingin disampaikan kepada Prof. Dr. Che Zarrina binti Sa'ari, Prof. Madya Dr. Salasiah binti Hanin Hamjah dan Prof. Madya Dr. Mohd Farid bin Mohd Sharif, di atas kesudian menjadi penilai soal selidik dan protokol temu bual dalam kajian ini, serta memberikan komen yang membina agar soal selidik dan soalan temu bual sesuai dengan golongan warga emas.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada pihak pengurusan Darul Hanan, iaitu Puan Siti Sarah binti Yahaya, Puan Nur Aswani binti Aziz, Encik Mohd Nassir bin Sulaiman dan Puan Nur Hasni Amalina binti Othman, yang sudi memberi kebenaran kepada pengkaji untuk melakukan kajian lapangan di Darul Hanan. Kepada staf-staf sokongan yang berada di lapangan seperti Kak Midat, Kak Fauziah, Kak Nazirah, Kak

Dila, Kak Umie, Aizat, Hafiz, Naim, Syed dan lain-lain, terima kasih di atas pertolongan kepada pengkaji sepanjang berada di lapangan. Sekalung penghargaan kepada warga emas di Darul Hanan yang sudi meluangkan masa bersama pengkaji, menjawab soal selidik dan temu bual, dan melayan pengkaji dengan ramah. Kerjasama yang kalian berikan sangatlah dihargai.

Jutaan terima kasih dirakamkan kepada pensyarah-pensyarah di Bahagian Pengajian Islam, staf-staf di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK), staf-staf Institut Pengajian Siswazah (IPS), staf-staf Perpustakaan Universiti Sains Malaysia (USM), staf-staf Perpustakaan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK) yang banyak membantu selama menuntut di sini. Penghargaan juga ingin diberikan kepada rakan-rakan seperjuangan sepanjang pengajian kerana sentiasa berkongsi pengetahuan serta memberi sokongan dan pandangan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan penulisan kajian ini.

Kepada suami dan anak-anak tersayang, terima kasih di atas kesabaran dan pengorbanan serta begitu memahami sepanjang tempoh pengajian. Kesabaran kalian mendoakan kejayaan ini amatlah disanjung dan dihargai. Buat Yah, Nyak, ayahanda Mustaffa bin Mahli, terima kasih di atas doa dan sokongan yang diberikan sepanjang tempoh pengajian. Dan tidak lupa almarhumah bonda Noorainie binti Awg Bongsu (m. 2002M/1423H) serta kaum keluarga jauh dan dekat yang sentiasa dalam ingatan.

Jutaan terima kasih turut diucapkan kepada individu-individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam proses menyiapkan kajian ini.

## ISI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN.....</b>	<b>ii</b>
<b>ISI KANDUNGAN.....</b>	<b>iv</b>
<b>SENARAI JADUAL.....</b>	<b>xv</b>
<b>SENARAI RAJAH.....</b>	<b>xvii</b>
<b>SENARAI GAMBAR.....</b>	<b>xx</b>
<b>SENARAI SINGKATAN.....</b>	<b>xxi</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN.....</b>	<b>xxiii</b>
<b>TRANSLITERASI.....</b>	<b>xxiv</b>
<b>ABSTRAK.....</b>	<b>xxvii</b>
<b>ABSTRACT.....</b>	<b>xxix</b>
<b>BAB 1       PENDAHULUAN.....</b>	<b>1</b>
1.1   Pengenalan.....	1
1.2   Pernyataan Masalah.....	7
1.3   Objektif Kajian.....	21
1.4   Persoalan Kajian.....	22
1.5   Kajian Terdahulu.....	22
1.6   Skop dan Batasan Kajian.....	61
1.7   Kepentingan Kajian.....	71
1.8   Kesimpulan.....	72
<b>BAB 2       KONSEP SA'ĀDAH BERDASARKAN               FALSAFAH KEBAHAGIAAN MENURUT AL-GHAZĀLĪ.....</b>	<b>73</b>
2.1   Pengenalan.....	73
2.2   Pengertian <i>Sa'ādah</i> .....	74
2.3   Perkataan lain berkaitan <i>Sa'ādah</i> .....	77
2.3.1 <i>Ḥasanah</i> .....	77
2.3.2 <i>Ṭūbā</i> .....	78

2.3.3	<i>Matā‘</i> .....	79
2.3.4	<i>Surūr</i> .....	80
2.3.5	<i>Falāh</i> .....	81
2.3.6	<i>Fawz</i> .....	82
2.3.7	<i>Farah</i> .....	83
2.3.8	<i>Najāṭ</i> .....	84
2.4	Riwayat Hidup dan Latar Belakang al-Ghazālī Secara Ringkas.....	86
2.5	<i>Kīmīyā’ al-Sa’ādah (The Alchemy of Happiness)</i> dan Hasil Karya al-Ghazālī yang lain.....	87
2.6	Ketokohan al-Ghazālī dalam Pelbagai Bidang.....	88
2.7	Falsafah Kebahagiaan menurut al-Ghazālī.....	94
2.7.1	Ilmu Mengenal Diri.....	95
2.7.2	Ilmu Mengenal Allah SWT.....	104
2.7.3	Ilmu Mengenal Dunia.....	110
2.7.4	Ilmu Mengenal Akhirat.....	113
2.7.5	Hiburan yang dibolehkan dalam Kehidupan Beragama.....	121
2.7.6	Muhasabah diri dan Berzikir Mengingati Allah SWT.....	126
2.7.7	Perkahwinan sebagai Pendorong atau Penghalang kepada Kehidupan Beragama.....	133
	2.7.7(a) Berkenaan tentang perkahwinan.....	140
2.7.8	Mencintai Allah SWT.....	142
	2.7.8(a) Melihat Allah SWT.....	144
	2.7.8(b) Tanda-tanda Cinta kepada Allah.....	147
2.8	Kesimpulan.....	149
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN.....</b>	<b>150</b>
3.1	Pengenalan.....	150
3.2	Metodologi Kajian.....	150
3.2.1	Kaedah Kepustakaan.....	152

3.2.2	Kajian Lapangan.....	154
3.2.2(a)	Metode Penentuan Subjek.....	154
3.2.2(b)	Metode Pengumpulan Data Kajian Lapangan.....	155
3.2.2(b)(i)	Metode Temu bual.....	156
3.2.2(b)(ii)	Metode Pemerhatian.....	162
3.2.2(b)(iii)	Metode Soal Selidik.....	164
3.2.3	Metode Analisis Data.....	166
3.2.3(a)	Metode Induktif.....	167
3.2.3(b)	Metode Deduktif.....	168
3.2.3(c)	Metode Deskriptif.....	168
3.3	Darul Hanan.....	170
3.3.1	Lokasi Darul Hanan.....	171
3.3.2	Sejarah Penubuhan Darul Hanan.....	171
3.3.3	Objektif Penubuhan Darul Hanan.....	172
3.3.4	Motto, Visi dan Misi Darul Hanan.....	173
3.3.5	Struktur Organisasi Darul Hanan.....	174
3.3.6	Peranan Darul Hanan .....	176
3.4	Dapatan Jumlah Warga Emas yang Mendapat Khidmat Penjagaan di Darul Hanan.....	178
3.4.1	Jumlah Warga Emas Berdasarkan Jantina di Darul Hanan.....	178
3.4.2	Jumlah Warga Emas Berdasarkan Purata Umur di Darul Hanan.....	179
3.4.3	Jumlah Warga Emas Berdasarkan Kategori Penjagaan di Darul Hanan.....	180
3.5	Pakej Jagaan Warga Emas di Darul Hanan.....	181
3.6	Amalan Rutin Warga Emas di Darul Hanan.....	182
3.7	Dapatan Kajian Rintis di Darul Hanan.....	183
3.7.1	Kajian Rintis Dapatan Data Soal Selidik.....	183

Bahagian A: Latar belakang responden.....	183
3.7.1(a) Jumlah Responden berdasarkan Umur.....	185
3.7.1(b) Jumlah Responden berdasarkan Jantina.....	185
3.7.1(c) Jumlah Responden berdasarkan Bangsa.....	186
3.7.1(d) Jumlah Responden berdasarkan Status Perkahwinan.....	187
3.7.1(e) Jumlah Responden berdasarkan Sektor pekerjaan terdahulu.....	188
3.7.1(f) Jumlah Responden berdasarkan Faktor Kemasukan ke Darul Hanan.....	188
3.7.1(g) Bahagian B: Jenis khidmat penjagaan yang diambil.....	189
3.7.1(h) Bahagian C: Ilmu Pengetahuan tentang Falsafah Kebahagiaan.....	190
3.7.1(h)(i) Ilmu mengenal diri.....	190
3.7.1(h)(ii) Ilmu mengenal Allah.....	190
3.7.1(h)(iii) Ilmu mengenal dunia.....	191
3.7.1(h)(iv) Ilmu mengenal akhirat.....	191
3.7.1(h)(v) Hiburan yang dibolehkan.....	191
3.7.1(h)(vi) Muhasabah dan mengingati Allah.....	191
3.7.1(h)(vii) Perkahwinan.....	191
3.7.1(h)(viii) Cinta kepada Allah SWT.....	192
3.7.1(i) Bahagian D: Persepsi tentang Kebahagiaan.....	193
3.7.1(i)(i) Apabila dapat mengenal diri sendiri.....	193
3.7.1(i)(ii) Apabila mengenal Allah SWT.....	193
3.7.1(i)(iii) Apabila mengetahui hakikat dunia.....	194
3.7.1(i)(iv) Apabila mengetahui hakikat akhirat.....	194
3.7.1(i)(v) Apabila mengamalkan hiburan yang dibolehkan (i).....	194
3.7.1(i)(vi) Apabila mengamalkan hiburan yang dibolehkan (ii).....	194



3.7.1(i)(vii) Apabila sentiasa bermuhasabah (merenung diri).....	195
3.7.1(i)(viii) Apabila sentiasa mengingati Allah SWT.....	195
3.7.1(i)(ix) Apabila menjadikan perkahwinan sebagai kehidupan beragama.....	195
3.7.1(i)(x) Apabila cinta kepada Allah SWT.....	195
3.7.1(j) Dapatan dan Analisis Perbincangan Data Soal Selidik.....	197
3.7.2 Kajian Rintis Dapatan Data Temu bual.....	197
Bahagian A: Amalan kerohanian dan perkhidmatan warga emas di Darul Hanan.....	197
3.7.2(a) Jumlah perasaan dan jumlah responden (%) dalam rutin amalan kerohanian di Darul Hanan.....	197
3.7.2(a)(i) Amalan solat fardu berjemaah.....	197
3.7.2(a)(ii) Amalan qiamullail.....	198
3.7.2(a)(iii) Amalan-amalan sunat.....	198
3.7.2(a)(iv) Sesi mengaji al-Quran.....	198
3.7.2(a)(v) Amalan berzikir mengingati Allah.....	199
3.7.2(a)(vi) Beristighfar.....	199
3.7.2(a)(vii) Menghadiri kuliah agama.....	199
3.7.2(a)(viii) Amalan lain.....	199
3.7.2(b) Jumlah perasaan dan jumlah responden (%) dalam perkhidmatan untuk warga emas di Darul Hanan.....	201
3.7.2(b)(i) Sesi bimbingan dan kaunseling.....	201
3.7.2(b)(ii) Sesi bimbingan agama dan kemudahan beribadah.....	202
3.7.2(b)(iii) Sesi berbual santai.....	202
3.7.2(b)(iv) Sesi rawatan perubatan dan jagaan kesihatan.....	202
3.7.2(b)(v) Sesi fisioterapi.....	202

3.7.2(b)(vi) Sesi rekreasi.....	203
3.7.2(b)(vii) Perkhidmatan lain.....	203
Bahagian B: Amalan Kerohanian berdasarkan Falsafah Kebahagiaan menurut al-Ghazālī.....	205
3.7.2(c) Analisis jumlah dan jawapan responden dalam amalan kerohanian berdasarkan falsafah kebahagiaan menurut al-Ghazālī.....	205
3.7.2(c)(i) Pengetahuan asas tentang falsafah kebahagiaan.....	205
(a) Ilmu mengenal diri.....	205
(b) Ilmu mengenal Allah.....	206
(c) Ilmu mengenal dunia.....	206
(d) Ilmu mengenal akhirat.....	206
(e) Hiburan sebagai medium kehidupan beragama.....	207
(f) Muhasabah diri dan mengingati Allah SWT.....	207
(g) Perkahwinan sebagai pendorong kepada kehidupan beragama.....	207
(h) Cinta kepada Allah SWT.....	208
3.7.2(c)(ii) Persepsi tentang kebahagiaan ( <i>sa'ādah</i> ).....	208
3.7.2(d) Dapatan dan Analisis Perbincangan Data Temu bual.....	210
3.7.3 Kajian Rintis Dapatan Data Pemerhatian.....	212
3.7.3(a)(i) Pemerhatian hari pertama kajian rintis.....	212
3.7.3(a)(ii) Pemerhatian hari kedua kajian rintis.....	213
3.7.3(b) Dapatan dan Analisis Perbincangan Data Pemerhatian.....	214
3.8 Kajian Akhir Dapatan Data Pemerhatian.....	216
3.9 Kesimpulan.....	225
<b>BAB 4 PERSEPSI WARGA EMAS TENTANG KONSEP SA'ĀDAH.....</b>	<b>226</b>

4.1	Pengenalan.....	226
4.2	Dapatan Soal Selidik.....	227
4.2.1	Jumlah Responden berdasarkan Umur.....	228
4.2.2	Jumlah Responden berdasarkan Jantina.....	229
4.2.3	Jumlah Responden berdasarkan Ras (Bangsa).....	229
4.2.4	Jumlah Responden berdasarkan Status Perkahwinan.....	231
4.2.5	Jumlah Responden berdasarkan Sektor Pekerjaan Terdahulu.....	232
4.2.6	Jumlah Responden berdasarkan Faktor Kemasukan ke Darul Hanan.....	234
4.2.7	Jenis khidmat penjagaan yang diambil.....	236
4.2.8	Dapatan Tahap Pengetahuan Responden mengenai Falsafah Kebahagiaan menurut al-Ghazālī.....	239
4.2.8(a)	Ilmu mengenal diri.....	239
4.2.8(b)	Ilmu mengenal Allah.....	240
4.2.8(c)	Ilmu mengenal dunia.....	240
4.2.8(d)	Ilmu mengenal akhirat.....	241
4.2.8(e)	Hiburan yang dibolehkan.....	241
4.2.8(f)	Muhasabah dan mengingati Allah.....	242
4.2.8(g)	Perkahwinan.....	243
4.2.8(h)	Cinta kepada Allah SWT.....	244
4.2.8(i)	Perbincangan.....	245
4.2.9	Dapatan Persepsi dan Tanggapan Responden tentang Kebahagiaan.....	247
4.2.9(a)	Apabila dapat mengenal diri sendiri.....	247
4.2.9(b)	Apabila mengenal Allah SWT.....	247
4.2.9(c)	Apabila mengetahui hakikat dunia.....	248
4.2.9(d)	Apabila mengetahui hakikat akhirat.....	248
4.2.9(e)	Apabila mengamalkan hiburan yang dibolehkan (i).....	248

4.2.9(f)	Apabila mengamalkan hiburan yang dibolehkan (ii).....	248
4.2.9(g)	Apabila sentiasa bermuhasabah (merenung diri).....	249
4.2.9(h)	Apabila sentiasa mengingati Allah SWT.....	249
4.2.9(i)	Apabila menjadikan perkahwinan sebagai sebahagian daripada kehidupan beragama.....	249
4.2.9(j)	Apabila cinta kepada Allah SWT.....	249
4.2.9(k)	Perbincangan.....	250
4.3	Dapatan Temu bual.....	252
4.3.1	Perasaan dan jumlah responden (%) dalam rutin amalan kerohanian di Darul Hanan.....	253
4.3.1(a)	Amalan solat fardu berjemaah (serta berwirid).....	253
4.3.1(b)	Amalan qiamullail.....	257
4.3.1(c)	Amalan-amalan Sunat.....	260
4.3.1(d)	Amalan mengaji al-Quran.....	263
4.3.1(e)	Amalan berzikir mengingati Allah SWT.....	266
4.3.1(f)	Amalan Beristighfar.....	269
4.3.1(g)	Amalan Menghadiri Kuliah Agama.....	271
4.3.1(h)	Amalan-amalan Lain.....	274
4.3.1(i)	Perbincangan.....	282
4.3.2	Perasaan dan jumlah responden (%) dalam sesi perkhidmatan untuk warga emas di Darul Hanan.....	283
4.3.2(a)	Sesi bimbingan dan kaunseling.....	284
4.3.2(b)	Sesi bimbingan agama dan kemudahan beribadat.....	288
4.3.2(c)	Sesi berbual santai.....	291
4.3.2(d)	Sesi rawatan perubatan dan jagaan kesihatan.....	294
4.3.2(e)	Sesi fisioterapi.....	299
4.3.2(f)	Sesi rekreasi.....	303
4.3.2(g)	Perkhidmatan lain.....	307

4.3.2(h) Perbincangan.....	315
4.3.3 Jumlah dan jawapan responden dalam amalan kerohanian berdasarkan falsafah kebahagiaan menurut al-Ghazālī.....	316
4.3.3(a) Pengetahuan asas tentang falsafah kebahagiaan.....	317
4.3.3(a)(i) Ilmu mengenai diri.....	317
4.3.3(a)(ii) Ilmu mengenai Allah.....	319
4.3.3(a)(iii) Ilmu mengenai dunia.....	321
4.3.3(a)(iv) Ilmu mengenai akhirat.....	322
4.3.3(a)(v) Hiburan sebagai medium kehidupan beragama.....	324
4.3.3(a)(vi) Muhasabah diri dan mengingati Allah SWT.....	327
4.3.3(a)(vii) Perkahwinan sebagai pendorong kepada kehidupan beragama.....	329
4.3.3(a)(viii) Cinta kepada Allah SWT.....	332
4.3.3(b) Persepsi tentang kebahagiaan ( <i>sa'ādah</i> ).....	334
4.3.3(b)(i) Kebahagiaan di dunia dan di akhirat.....	334
4.3.3(b)(ii) Kebahagiaan adalah perasaan.....	335
4.3.3(b)(iii) Kebahagiaan menghuni Darul Hanan.....	335
4.3.3(b)(iv) Kebahagiaan tidak mengira tempat.....	336
4.3.3(b)(v) Kebahagiaan bersama keluarga.....	337
4.3.3(b)(vi) Kebahagiaan di akhirat.....	337
4.3.3(b)(vii) Kebahagiaan mengenai Allah.....	337
4.3.3(b)(viii) Kebahagiaan mendekatkan diri kepada Tuhan.....	338
4.3.3(b)(ix) Punca tidak bahagia.....	338
4.3.3(b)(x) Kesan bahagia.....	339
4.3.3(b)(xi) Cara mencapai bahagia.....	339
4.3.3(b)(xii) Kesimpulan persepsi tentang kebahagiaan ( <i>sa'ādah</i> ) menurut responden.....	342

4.4	Perbincangan.....	344
4.5	Kesimpulan.....	346
<b>BAB 5</b>	<b>ANALISIS PERSEPSI WARGA EMAS TENTANG KONSEP SA'ĀDAH BERDASARKAN FALSAFAH KEBAHAGIAAN MENURUT AL-GHAZĀLĪ.....</b>	<b>349</b>
5.1	Pengenalan.....	349
5.2	Analisis Data Soal Selidik.....	349
5.3	Analisis Data Temu bual.....	354
5.3.1	Analisis Perasaan dan jumlah responden (%) dalam rutin amalan kerohanian di Darul Hanan.....	354
5.3.2	Analisis Perasaan dan jumlah responden (%) dalam sesi perkhidmatan di Darul Hanan.....	364
5.3.3	Analisis Pengetahuan asas responden tentang falsafah kebahagiaan.....	372
5.3.4	Analisis Persepsi responden tentang kebahagiaan ( <i>sa'ādah</i> ).....	382
	5.3.4(a) Tema kebahagiaan di dunia dan di akhirat.....	383
	5.3.4(b) Tema kebahagiaan adalah perasaan dan tema kebahagiaan menghuni Darul Hanan.....	385
	5.3.4(c) Tema kebahagiaan tidak mengira tempat.....	387
	5.3.4(d) Tema kebahagiaan bersama keluarga.....	388
	5.3.4(e) Tema kebahagiaan di akhirat, tema kebahagiaan mengenal Allah, dan tema kebahagiaan mendekatkan diri kepada Tuhan.....	389
	5.3.4(f) Tema punca tidak bahagia.....	392
	5.3.4(g) Tema kesan bahagia.....	393
	5.3.4(h) Tema cara mencapai kebahagiaan.....	394
	5.3.4(h)(i) Tema cara mencapai kebahagiaan berdasarkan pendekatan khusus (agama).....	394
	5.3.4(h)(ii) Tema cara mencapai kebahagiaan berdasarkan pendekatan umum.....	396
5.4	Kesimpulan.....	399
<b>BAB 6</b>	<b>KESIMPULAN DAN SARANAN.....</b>	<b>402</b>

6.1	Pengenalan.....	402
6.2	Rumusan Keseluruhan Hasil Dapatan Kajian.....	403
6.2.1	Falsafah Kebahagiaan al-Ghazālī dalam <i>Kīmīyā' al-Sa'ādah</i> .....	403
6.2.2	Persepsi Konsep kebahagiaan ( <i>Sa'ādah</i> ) Menurut Warga Emas....	405
6.2.3	Persepsi Warga Emas tentang Konsep kebahagiaan ( <i>Sa'ādah</i> ) berdasarkan Falsafah Kebahagiaan al-Ghazālī dalam <i>Kīmīyā' al-Sa'ādah</i> .....	407
6.3	Implikasi Kajian.....	410
6.3.1	Pendekatan Kerohanian sebagai Wadah Kesejahteraan Warga Emas.....	410
6.3.2	Penjagaan Warga Emas di Pusat Jagaan Menjamin Kesejahteraan Fizikal dan Rohani Warga Emas.....	410
6.3.3	Pandangan Warga Emas tentang Kebahagiaan.....	411
6.4	Saranan.....	411
6.4.1	Pemegang Taruh ( <i>Stakeholder</i> ).....	411
6.4.2	Penggubal Dasar.....	411
6.4.3	Golongan Awam.....	412
6.4.4	Pelaksana.....	412
6.4.5	Keluarga.....	412
6.5	Cadangan Kajian Lanjutan.....	412
	<b>BIBLIOGRAFI.....</b>	<b>414</b>

## LAMPIRAN

## SENARAI PENERBITAN

## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>
Jadual 1.6	Penentuan saiz sampel untuk kaedah soal selidik.....68
Jadual 3.7.1	Senarai dan latar belakang responden..... 184
Jadual 3.7.2(a)	Dapatan perasaan responden selepas mengikuti amalan kerohanian di Darul Hanan.....200
Jadual 3.7.2(b)	Dapatan perasaan responden selepas mengikuti semua sesi perkhidmatan di Darul Hanan.....204
Jadual 3.7.2(c)(i)	Pengetahuan asas responden tentang Falsafah Kebahagiaan menurut al-Ghazālī.....208
Jadual 3.7.2(c)(ii)	Persepsi tentang kebahagiaan ( <i>sa 'ādah</i> ) menurut responden.....210
Jadual 3.7.3(a)(i)	Data Pemerhatian Kajian Rintis 22 Jun 2019.....212
Jadual 3.7.3(a)(ii)	Data Pemerhatian Kajian Rintis 23 Jun 2019.....213
Jadual 3.8	Data Pemerhatian (20 Julai 2019 - 1 September 2019).....217
Jadual 3.8.1	Tarikh kajian dan persetujuan selepas responden.....458
Jadual 3.8.2	Tarikh kajian dan persetujuan sebelum dan selepas.....459
Jadual 4.2(a)	Senarai dan latar belakang responden kajian akhir.....452
Jadual 4.2(b)	Jumlah Responden berdasarkan Khidmat Penjagaan di Darul Hanan.....455
Jadual 4.2.9	Persepsi responden tentang kebahagiaan.....250
Jadual 4.3.1(a)(i)	Aspek amalan solat fardu berjemaah menurut responden.....255
Jadual 4.3.1(a)(ii)	Aspek amalan berwirid menurut responden.....257
Jadual 4.3.1(b)	Aspek amalan qiamullail menurut responden.....259
Jadual 4.3.1(c)	Aspek amalan sunat menurut responden.....263
Jadual 4.3.1(d)	Aspek amalan mengaji al-Quran menurut responden.....266
Jadual 4.3.1(e)	Aspek amalan berzikir mengingati Allah SWT menurut responden.....268
Jadual 4.3.1(f)	Aspek amalan beristighfar menurut responden.....271
Jadual 4.3.1(g)	Aspek amalan menghadiri kuliah agama



	menurut responden.....	274
Jadual 4.3.1(h)(i)	Amalan-amalan lain yang disertai responden berdasarkan kategori.....	276
Jadual 4.3.1(h)(ii)	Aspek amalan lain menurut responden.....	280
Jadual 4.3.1	Dapatan perasaan responden selepas melakukan Amalan Kerohanian di Darul Hanan.....	281
Jadual 4.3.2(a)	Aspek sesi bimbingan dan kaunseling menurut responden.....	287
Jadual 4.3.2(b)	Aspek sesi bimbingan agama dan kemudahan beribadat menurut responden.....	290
Jadual 4.3.2(c)	Aspek sesi berbual santai menurut responden.....	293
Jadual 4.3.2(d)	Aspek sesi rawatan perubatan dan jagaan kesihatan menurut responden.....	298
Jadual 4.3.2(e)	Aspek sesi fisioterapi menurut responden.....	302
Jadual 4.3.2(f)	Aspek sesi rekreasi menurut responden.....	306
Jadual 4.3.2(g)	Aspek perkhidmatan lain menurut responden.....	312
Jadual 4.3.2	Dapatan perasaan responden selepas mengikuti semua sesi perkhidmatan di Darul Hanan.....	314
Jadual 4.3.3(a)(iii)	Aspek Ilmu mengenal dunia menurut responden.....	322
Jadual 4.3.3(a)(iv)	Aspek ilmu mengenal akhirat menurut responden.....	324
Jadual 4.3.3(a)(vii)	Aspek perkahwinan sebagai pendorong kepada kehidupan beragama menurut responden.....	331
Jadual 4.3.3(a)(viii)	Aspek cinta kepada Allah SWT menurut responden.....	333
Jadual 4.3.3(a)	Rumusan Pengetahuan asas responden tentang Falsafah Kebahagiaan menurut al-Ghazālī.....	334
Jadual 4.3.3(b)	Persepsi tentang kebahagiaan ( <i>sa'ādah</i> ) menurut responden.....	343

## SENARAI RAJAH

	<b>Halaman</b>
Rajah 3.2	Carta alir metodologi penyelidikan..... 169
Rajah 3.3.5	Carta organisasi pihak pengurusan pusat jagaan warga emas Darul Hanan Pulau Pinang..... 174
Rajah 3.4.1	Peratus Jumlah Warga Emas Berdasarkan Jantina di Darul Hanan..... 179
Rajah 3.4.2	Peratus Jumlah Warga Emas Berdasarkan Purata Umur di Darul Hanan..... 180
Rajah 3.4.3	Peratus Jumlah Warga Emas Berdasarkan Kategori Penjagaan di Darul Hanan..... 181
Rajah 3.7.1(a)	Peratus Jumlah Responden berdasarkan Umur..... 185
Rajah 3.7.1(b)	Peratus Jumlah Responden berdasarkan Jantina..... 186
Rajah 3.7.1(c)	Peratus Jumlah Responden berdasarkan Bangsa..... 187
Rajah 3.7.1(d)	Peratus Jumlah Responden berdasarkan Status Perkahwinan..... 187
Rajah 3.7.1(e)	Peratus Jumlah Responden berdasarkan Sektor pekerjaan terdahulu..... 188
Rajah 3.7.1(f)	Peratus Jumlah Responden berdasarkan Faktor Kemasukan ke Darul Hanan..... 189
Rajah 3.7.1(g)	Peratus Jumlah Responden berdasarkan Khidmat Jagaan..... 190
Rajah 3.7.1	Peratus Responden berdasarkan Ilmu Falsafah Kebahagiaan (1)..... 192
Rajah 3.7.1	Peratus Responden berdasarkan Ilmu Falsafah Kebahagiaan (2)..... 192
Rajah 3.7.1	Peratus Responden berdasarkan Ilmu Falsafah Kebahagiaan (3)..... 193
Rajah 3.7.1	Persepsi Responden tentang Kebahagiaan (1)..... 196
Rajah 3.7.1	Persepsi Responden tentang Kebahagiaan (2)..... 196
Rajah 3.7.1	Persepsi Responden tentang Kebahagiaan (3)..... 196
Rajah 4.2.1	Peratus Jumlah Responden berdasarkan Lingkungan Umur..... 228
Rajah 4.2.2	Peratus Jumlah Responden berdasarkan Jantina..... 229

Rajah 4.2.3	Peratus Jumlah Responden berdasarkan Bangsa.....	230
Rajah 4.2.4	Peratus Jumlah Responden berdasarkan Status Perkahwinan.....	231
Rajah 4.2.5	Peratus Jumlah Responden berdasarkan Sektor Pekerjaan Terdahulu.....	232
Rajah 4.2.6	Peratus Jumlah Responden berdasarkan Faktor Kemasukan ke Darul Hanan.....	234
Rajah 4.2.7	Peratus Jumlah Responden berdasarkan Khidmat Jagaan.....	236
Rajah 4.2.8(a)	Peratus Jumlah Responden berdasarkan Ilmu Mengenal Diri.....	239
Rajah 4.2.8(b)	Peratus Jumlah Responden berdasarkan Ilmu Mengenal Allah.....	240
Rajah 4.2.8(c)	Peratus Jumlah Responden berdasarkan Ilmu Mengenal Dunia.....	240
Rajah 4.2.8(d)	Peratus Jumlah Responden berdasarkan Ilmu Mengenal Akhirat.....	241
Rajah 4.2.8(e)	Peratus Jumlah Responden berdasarkan Ilmu tentang hiburan yang dibolehkan dalam agama (i).....	242
Rajah 4.2.8(e)	Peratus Jumlah Responden berdasarkan Ilmu tentang hiburan yang dibolehkan dalam agama (ii).....	242
Rajah 4.2.8(f)	Peratus Jumlah Responden berdasarkan Ilmu tentang Muhasabah dan Mengingati Allah.....	243
Rajah 4.2.8(g)	Peratus Jumlah Responden berdasarkan Ilmu tentang Perkahwinan sebagai pendorong dan penghalang dalam kehidupan beragama.....	244
Rajah 4.2.8(h)	Peratus Jumlah Responden berdasarkan Ilmu tentang cinta kepada Allah.....	244
Rajah 4.3.3(a)(i)	Aspek Ilmu mengenal diri menurut responden.....	319
Rajah 4.3.3(a)(ii)	Aspek Ilmu mengenal Allah menurut responden.....	320
Rajah 4.3.3(a)(v)	Aspek hiburan sebagai medium kehidupan beragama menurut responden.....	327
Rajah 4.3.3(a)(vi)	Aspek muhasabah diri dan mengingati Allah SWT menurut responden.....	329
Rajah 4.3.3(b)	Persepsi tentang kebahagiaan ( <i>sa'ādah</i> ) menurut responden.....	344

Rajah 6.2	Rumusan dapatan utama kajian.....	410
-----------	-----------------------------------	-----

## SENARAI GAMBAR

	<b>Halaman</b>
Gambar 1.6.1	Susun atur katil di bilik penghuni Darul Hanan.....66
Gambar 1.6.2	Suasana santai ketika penghuni menjamu selera di kantin.....66

## SENARAI SINGKATAN

Abr.	<i>Abridged</i> (diringkaskan)
AS	'alaihi al-salām
Cet.	Cetakan
Doi/ doi/ DOI	<i>Digital object identifier</i> . Kaedah gabungan nombor dan abjad yang direka oleh agensi pendaftaran untuk mengenal pasti kandungan dokumen elektronik seperti jurnal artikel.
DWEN	Dasar Warga Emas Negara
ed.	<i>edition</i> / (edisi)
Ed. / Eds.	<i>Editor / Editors</i> (penyunting)
et al.	(Latin) singkatan bagi <i>et alii</i> . Merujuk kepada ' <i>and others</i> ' (dan lain-lain). Digunakan secara khusus untuk merujuk kepada buku-buku akademik atau artikel-artikel yang mempunyai lebih daripada seorang penulis.
H	Hijrah
h.	Halaman/ muka surat
Ibid.	(Latin) singkatan bagi <i>ibidem</i> . Merujuk kepada ' <i>in the same place</i> ' (buku dan lain-lain rujukan).
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
M	Masihi
m.	meninggal dunia
NGO	<i>Non-Governmental Organization</i> (Pertubuhan Bukan Kerajaan)
No./ no.	<i>Number</i> (nombor)
PAWE	Pusat Aktiviti Warga Emas
pp.	<i>page / pages</i> (halaman, muka surat)
PRPM	Pusat Rujukan Persuratan Melayu
RA	raḍiy Allāh 'anhu/ raḍiy Allāh 'anha/ raḍiy Allāh 'anhum
Rev.ed. / rev. ed.	<i>revised edition</i> (edisi kemas kini, edisi semakan)
SM	Sebelum Masihi
SWT	Subḥānahu wa Ta'ālā

ṢAW / SAW	Ṣolla'LLāhu 'alayhi wa sallam
terj.	terjemahan
t.th.	tanpa tahun / tanpa tarikh / tiada tarikh
t.t.p.	tanpa tempat penerbitan / tiada tempat penerbitan
t.p.	tanpa penerbit
trans.	<i>Translation</i> (terjemahan)
UN	<i>United Nations</i> (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu)
Vol.	<i>Volume</i>
WHO	<i>World Health Organization</i> (Pertubuhan Kesihatan Sedunia)

## **SENARAI LAMPIRAN**

LAMPIRAN A	SENARAI DAN LATAR BELAKANG RESPONDEN (KAJIAN RINTIS DAN KAJIAN AKHIR)
	SENARAI DAN LATAR BELAKANG RESPONDEN KAJIAN AKHIR {JADUAL 4.2 (a)}
	JUMLAH RESPONDEN BERDASARKAN KHIDMAT PENJAGAAN DI DARUL HANAN {JADUAL 4.2 (b)}
	TARIKH KAJIAN DAN PERSETUJUAN SELEPAS RESPONDEN {JADUAL 3.8.1}
	TARIKH KAJIAN DAN PERSETUJUAN SEBELUM DAN SELEPAS {JADUAL 3.8.2}
LAMPIRAN B	PEMERHATIAN KAJIAN AKHIR
LAMPIRAN C	TRANSKRIPSI TEMU BUAL KAJIAN AKHIR RESPONDEN
LAMPIRAN D	TRANSKRIPSI TEMU BUAL KAJIAN RINTIS RESPONDEN
LAMPIRAN E	SURAT PENGESAHAN PELAJAR
LAMPIRAN F	SURAT PERMOHONAN KAJIAN LAPANGAN
LAMPIRAN G	SURAT KEBENARAN DARUL HANAN
LAMPIRAN H	SURAT JEMPUTAN PENGESAHAN SOAL SELIDIK DAN TEMU BUAL
LAMPIRAN I	BORANG SOAL SELIDIK
LAMPIRAN J	PROTOKOL TEMU BUAL
LAMPIRAN K	CONTOH SURAT PERSETUJUAN SEBELUM
LAMPIRAN L	CONTOH SURAT PERSETUJUAN SELEPAS



## TRANSLITERASI

### I. KONSONAN

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ا	a	سأل	sa'ala
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورة	thawrah
ج	j	جمال	jamāl
ح	ḥ	حديث	ḥadīth
خ	kh	خالد	khālid
د	d	ديوان	dīwān
ذ	dh	مذهب	madhhab
ر	r	رحمن	Raḥmān
ز	z	زمزم	zamzam
س	s	سراب	sarāb
ش	sy	شمس	syams

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ص	ṣ	صبر	ṣabr
ض	ḍ	ضمير	ḍamīr
ط	ṭ	طاهر	ṭāhir

ظ	ẓ	ظهر	zuhr
ع	‘	عبد	‘abd
غ	gh	غيب	ghayb
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضي	qāḍī
ك	k	كأس	ka’s
ل	l	لبن	laban
م	m	مزمارة	mizmār
ن	n	نوم	nawm
و	w	وصل	waṣl
هـ, ه	h	هبطة	habaṭa
ء	’	إستلاء	istilā’

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ي	y	يسار	yasār

## II. VOKAL

### 1. Vokal Panjang

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ي / ا	ā	كاتب , قاضي	kātib , qaḍā
ي	ī	كريم	karīm
و	ū	حروف	ḥurūf

### 2. Vokal Pendek

Vokal pendek	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ـ (fathah)	a	فعل	fa‘ala

ـ (kasrah)                      i                      حسب                      ḥasiba

ُ (dammah)                      u                      كتب                      kutiba

### 3. Diftong

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
و	aw	قول	qawl
ي	ay	سيف	sayf
ي	ī	رجعي	rajī' atau raj'īyy
و	uww	عدو	'aduww atau 'adū

Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka, *Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), h.1-2.

**FALSAFAH KEBAHAGIAAN AL-GHAZĀLĪ DALAM *KĪMĪYĀ' AL-SA'ĀDAH*:  
ANALISIS PERSEPSI WARGA EMAS TENTANG KONSEP SA'ĀDAH**

**ABSTRAK**

Kebahagiaan dalam Islam disebut *sa'ādah*, yang merujuk kepada kebahagiaan hakiki yang merangkumi kebahagiaan di dunia dan akhirat. Konsep *sa'ādah* dibincangkan oleh al-Ghazālī rahimahullāh dalam karyanya yang berjudul *Kīmīyā' al-Sa'ādah (the Alchemy of Happiness)*. Terdapat banyak isu yang menjejaskan kebahagiaan warga emas, seperti kesunyian dan kemurungan, yang menyebabkan mereka memerlukan pendekatan yang bersesuaian seperti konsep *sa'ādah* untuk menghadapi kehidupan pada hari tua dengan tenang. Kajian ini bertujuan mengkaji falsafah kebahagiaan al-Ghazālī dalam *Kīmīyā' al-Sa'ādah (the Alchemy of Happiness)*. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti persepsi warga emas tentang konsep *sa'ādah*. Kajian turut berkehendak menganalisis persepsi warga emas tentang konsep *sa'ādah* berdasarkan falsafah kebahagiaan menurut al-Ghazālī. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metod pengumpulan data secara kepustakaan dan kajian lapangan di Pusat Jagaan Warga Emas, Darul Hanan, Pulau Pinang. Metode kajian lapangan yang digunakan ialah pemerhatian, soal selidik dan temu bual. Alat kajian yang digunakan ialah borang soal selidik dan protokol temu bual. Seramai 60 orang warga emas telah disoal selidik, dan 35 orang warga emas telah dipilih secara bertujuan daripada 60 orang warga emas tersebut untuk ditemu bual. Data kajian dianalisis menurut kaedah kualitatif iaitu transkripsi, reduksi, koding dan paparan data serta menggunakan Atlas.ti. Hasil kajian mendapati terdapat lapan falsafah kebahagiaan menurut al-Ghazālī dalam *Kīmīyā' al-Sa'ādah (the Alchemy of Happiness)*, yang terdiri daripada empat ilmu dan empat amal. Kajian mendapati terdapat 28 jenis perasaan berkaitan konsep *sa'ādah* yang disebutkan warga emas dalam amalan kerohanian yang diikuti di Darul Hanan, 27

jenis perasaan berkaitan dengan konsep *sa'ādah* yang disebutkan warga emas dalam sesi perkhidmatan yang diperolehi di Darul Hanan serta sebelas tema persepsi warga emas tentang konsep *sa'ādah*. Warga emas di Darul Hanan turut mengetahui dan memahami pengetahuan asas falsafah kebahagiaan yang mempunyai ciri-ciri yang sama seperti yang dikemukakan oleh al-Ghazālī dan turut mengalami *sa'ādah* ketika mengamalkan empat daripada lapan falsafah kebahagiaan tersebut. Persepsi warga emas tentang konsep *sa'ādah* turut mempunyai ciri-ciri yang sama dengan falsafah kebahagiaan menurut al-Ghazālī dalam sebelas tema yang dinyatakan. Hal ini membuktikan pendekatan *sa'ādah* menurut al-Ghazālī boleh memenuhi keperluan rohani warga emas dengan menghindarkan warga emas dari krisis kerohanian seperti kesunyian dan kemurungan secara khususnya, dan masyarakat awam secara amnya.

# AL-GHAZĀLĪ'S PHILOSOPHY OF HAPPINESS IN *KĪMĪYĀ' AL-SA'ĀDAH*: AN ANALYSIS OF ELDERLY'S PERCEPTIONS ON THE CONCEPT OF *SA'ĀDAH*

## ABSTRACT

Happiness in Islam is called *sa'ādah*, which refers to real happiness that encompasses happiness in this present world as well as the hereafter. The concept of *sa'ādah* is discussed by al-Ghazālī raḥimahullāh in his work entitled, *Kīmīyā 'al-Sa'ādah (the Alchemy of Happiness)*. There are many issues affecting happiness among the elderly, such as loneliness and depression, which will need them to apply appropriate approach such as the concept of *sa'ādah*, in order to live peacefully at old age. This research intends to examine al-Ghazali's philosophy of happiness in *Kīmīyā 'al-Sa'ādah (the Alchemy of Happiness)*. The objective of this research is to identify the elderly's perceptions regarding the concept of *sa'ādah*. The research also aims to analyse the elderly's perceptions concerning the concept of *sa'ādah*, based on al-Ghazali's philosophy of happiness. This qualitative research used the methods of data collection from library research and fieldwork at the Darul Hanan Elderly Care Centre, Penang. The fieldwork methods applied were observation, questionnaire and interview. The research used questionnaire form and interview protocol as instruments for data collection. A total of 60 senior citizens answered the questionnaires, and 35 senior citizens were purposefully selected from among the 60 senior citizens, for the interview. Data were analysed based on the qualitative methods using transcription, reduction, coding and data display as well as using the Atlas.ti. There are eight philosophies of happiness according to al-Ghazālī in *Kīmīyā 'al-Sa'ādah (the Alchemy of Happiness)*, which consisted of four types of knowledge and four types of deeds. The results revealed that there were 28 types of feelings related to the concept of *sa'ādah*, mentioned by the senior citizens, based on the spiritual practices that they followed in Darul Hanan. The participants reported 27

types of feelings associated with the concept of *sa'ādah* related to the elderly's services at Darul Hanan, as well as 11 themes on the elderly's perceptions of the concept of *sa'ādah*. The elderly folks in Darul Hanan also possess the basic knowledge and understanding of the philosophy of happiness, which have similar characteristics with al-Ghazālī's philosophy of happiness. They reported to experience *sa'ādah* while practicing four out of the eight philosophies of happiness. The elderly's perceptions on the concept of *sa'ādah* also have similar characteristics with the philosophy of happiness according to al-Ghazālī, in the eleven themes stated. This has proven that the *sa'ādah* approach according to al-Ghazālī can fulfil the elderly's spiritual needs by particularly preventing them from experiencing spiritual crisis such as loneliness and depression, and may benefit the society in general.

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Kajian bertujuan mengkaji falsafah kebahagiaan menurut al-Ghazālī (m. 1111M/505H) dalam *Kīmīyā' al-Sa'ādah (the Alchemy of Happiness)*. Kajian turut mengenal pasti persepsi warga emas tentang konsep *sa'ādah* serta bertujuan menganalisis persepsi warga emas tentang konsep *sa'ādah* berdasarkan falsafah kebahagiaan menurut al-Ghazālī.

*Kīmīyā' al-Sa'ādah (The Alchemy of Happiness)* merupakan karya al-Ghazālī yang mengandungi lapan bahagian, iaitu:<sup>1</sup>

1. Ilmu mengenal diri
2. Ilmu mengenal Allah SWT
3. Ilmu mengenal dunia
4. Ilmu mengenal akhirat
5. Muzik dan tarian sebagai medium kepada kehidupan beragama / hiburan yang dibolehkan dalam kehidupan beragama,
6. Muhasabah diri dan berzikir mengingatkan Allah SWT
7. Perkahwinan sebagai pendorong atau penghalang kepada kehidupan beragama
8. Cinta kepada Allah SWT.

---

<sup>1</sup> Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad al-Ghazālī (Al-Ghazzali), *The Alchemy of Happiness*, trans. Claud Field (USA: SIME journal, 2004), h.2. Lihat juga Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad al-Ghazālī (Imam al-Ghazali), *Kīmīyā' al-Sa'ādah Kimia Ruhani untuk Kebahagiaan Abadi*, terj. Dedi Slamet Riyadi & Fauzi Bahreisy (Jakarta, Indonesia: Penerbit Zaman, 2001), h. 4.



Perkataan *sa'ādah* bermaksud bahagia dan kebahagiaan. Perkataan tersebut turut bermaksud yang berbahagia, dan yang mulia.<sup>2</sup> Menurut Kamus *al-Mawrid*, perkataan *sa'ādah* bermaksud kebahagiaan (*happiness*), kebahagiaan yang lengkap (*bliss*), kelengkapan (*felicity*), kebajikan (*welfare*), kesejahteraan (*well-being*) dan kesenangan (*weal*).<sup>3</sup> Kebahagiaan secara asasnya merujuk kepada suatu kewujudan perasaan bahagia, kesenangan hidup, kemujuran serta keberuntungan.<sup>4</sup>

Warga emas pula merupakan golongan yang berusia 65 tahun dan ke atas. Mereka juga digolongkan dalam kelompok yang mula menerima faedah persaraan atau wang pencen.<sup>5</sup> Dalam konteks di Malaysia khususnya, warga emas didefinisikan sebagai golongan yang berusia 60 tahun ke atas. Takrifan ini berdasarkan takrifan yang dibuat di "World Assembly On Ageing 1982" di Vienna.<sup>6</sup> Menurut Pusat Rujukan Persuratan Melayu, definisi bagi warga emas atau warga tua di Malaysia ialah apabila seseorang telah mencapai usia persaraan iaitu pada usia 55 tahun atau pilihan persaraan pada usia

---

<sup>2</sup> Pusat Rujukan Persuratan Melayu, *Kamus Bahasa Melayu Kamus Dewan Edisi Keempat* (Carian perkataan Saadah) (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018), <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=saadah>.

<sup>3</sup> Rohi Baalbaki, *Al-Mawrid A Modern Arabic-English Dictionary*, 7<sup>th</sup> ed. (Beirut, Lubnan: Dar El-Ilm Lilmalayin, 1995), h. 633. Selepas ini disebut Baalbaki, *Al-Mawrid Dictionary*.

<sup>4</sup> Pusat Rujukan Persuratan Melayu, *Kamus Bahasa Melayu Kamus Dewan Edisi Keempat* (Carian perkataan kebahagiaan) (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018), <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kebahagiaan>.

<sup>5</sup> Definisi ini diambil daripada kertas kerja WHO untuk warga tua di Afrika ketika melakukan projek set data minimum. Berdasarkan kertas kerja tersebut, tiada keseragaman khusus untuk mentafsirkan umur seseorang yang mencapai usia tua. Ini kerana berbeza dengan takrifan dari pihak WHO, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) merujuk warga emas sebagai golongan yang berusia 60 tahun dan ke atas. Kertas kerja ini dimulakan pada tahun 2002 untuk mendefinisikan skop projek set data minimum untuk penuaan di Afrika. ("Health statistics and information systems Proposed working definition of an older person in Africa for the Minimum Data Set (MDS) Project," World Health Organization (WHO), 2002, <http://www.who.int/healthinfo/survey/ageingdefolder/en/>).

<sup>6</sup> "Warga Emas (Pengenalan)," Jabatan Kebajikan Masyarakat, Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2016, <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=VEpUUXV3THFURkZETmxWNjZpQ1BXdz09>.

Selepas ini disebut Portal JKM. Lihat juga Cliff Picton, "REPORT ON THE WORLD ASSEMBLY ON AGEING — VIENNA 1982," *Australasian Journal on Ageing* 1 (1982): h.13–14, <https://doi.org/10.1111/j.1741-6612.1982.tb00992.x>; "Dasar Kesihatan Warga Emas Negara," Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia, h.1, <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Dasar/Dasar%20Kesihatan%20Warga%20Emas%20Negara.pdf>. Selepas ini disebut "Dasar Kesihatan Warga Emas Negara."

56 tahun.<sup>7</sup> Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, warga emas ditakrifkan sebagai orang yang sudah tua.<sup>8</sup> Berdasarkan definisi yang telah dinyatakan, jelaslah warga emas ialah golongan yang sudah tua, sudah bersara dan berusia dalam lingkungan 55 tahun dan ke atas. Pada usia sebegini, banyak faktor yang menjejaskan kebahagiaan warga emas, antaranya perasaan kesunyian dan kemurungan.

Kesunyian ialah suatu keadaan yang tidak menyenangkan yang terjadi apabila rangkaian perhubungan sosial seseorang menurun secara signifikan sama ada dari aspek kualiti atau kuantiti. Menurut Pusat Rujukan Persuratan Melayu, kesunyian merujuk kepada seseorang yang berasa sunyi kerana keseorangan sehingga setiap perkara yang berlaku langsung tidak menarik perhatiannya.<sup>9</sup> Kesunyian merupakan respon terhadap perubahan kehidupan yang dilalui oleh setiap ahli dalam keluarga terutama golongan warga emas. Keadaan ini merujuk kepada perasaan yang bercampur baur antara kesedihan dan kemurungan setelah ketiadaan anak-anak. Biasanya perkara ini terjadi kepada warga emas wanita berbanding warga emas lelaki.<sup>10</sup> Risiko kesunyian di kalangan warga emas bertambah kerana kurangnya sokongan sosial, ketidakupayaan fizikal dan penyakit kronik yang dihidapi warga emas. Warga emas turut mengalami

---

<sup>7</sup> Pusat Rujukan Persuratan Melayu, *Khidmat Nasihat* (Perkataan warga tua) (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018), <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=warga+tua&d=175768&#LIHATSINI>.

<sup>8</sup> Pusat Rujukan Persuratan Melayu, *Kamus Bahasa Melayu Kamus Dewan Edisi Keempat* (Carian perkataan warga emas) (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018), <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=warga+emas>.

<sup>9</sup> Daniel Perlman & Letitia Anne Peplau, "Chapter 2 Loneliness Research: A Survey of Empirical Findings," in *Preventing the Harmful Consequences of Severe and Persistent Loneliness*, ed. L. A. Peplau & S. Goldston (U.S. Government Printing Office, 1984), h. 15; Jenny de Jong Gierveld, Theo van Tilburg & Pearl A. Dykstra, "Chapter 26 Loneliness and Social Isolation," in *The Cambridge Handbook of Personal Relationships*, ed. D. Perlman & A. Vangelisti (Cambridge, UK: Cambridge University Press, 2006), h. 485 – 486; Pusat Rujukan Persuratan Melayu, *Kamus Bahasa Melayu Kamus Dewan Edisi Keempat* (Carian perkataan kesunyian) (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017), <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kesunyian>.

<sup>10</sup> Yusfaiza Abd. Halim, "Sindrom Empty Nest Di Kalangan Warga Emas," *Portal Rasmi MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia*, 16 Januari 2017, <http://www.myhealth.gov.my/sindrom-empty-nest/>. Lihat juga Khadijah Minhat, "Sindrom Kesunyian Di Kalangan Warga Emas," *Portal Rasmi MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia*, 3 Januari 2016, <http://www.myhealth.gov.my/sindrom-kesunyian-di-kalangan-warga-emas/>.

simptom-simptom kemurungan seperti hilang selera makan, gangguan tidur, serta rasa putus asa dalam hidup.<sup>11</sup>

Kemurungan (*depression*) berasal dari perkataan Latin “*depressio*” yang merujuk kepada semangat yang menurun dan menjadi lemah. Kemerosotan semangat ini merupakan simptom utama kemurungan yang turut disertai dengan serangan panik, kemerosotan fungsi kognitif, kecenderungan untuk mengasingkan diri, hilang motivasi, kesukaran untuk berseronok, berputus asa, berfikiran negatif, dan dalam sesetengah keadaan, seseorang boleh mengalami delusi jika dilanda kemurungan yang teruk. Menurut Pusat Rujukan Persuratan Melayu, kemurungan merujuk kepada seseorang yang murung, kemuraman atau kesuraman. Kemurungan ialah keadaan seseorang yang mengalami rasa kecewa dan putus asa, disertai dengan gejala sukar tidur, lembap berfikir serta menyimpan rasa bersalah yang keterlaluan.<sup>12</sup>

Warga emas tidak terkecuali daripada mengalami kemurungan. Hal ini terjadi disebabkan pertambahan usia, kematian pasangan, tinggal di kawasan luar bandar, kurang pendidikan, taraf sosioekonomi yang rendah, serta tidak bekerja. Warga emas yang menghidap sakit kronik turut terdedah kepada situasi ini. Begitu juga warga emas wanita dan golongan warga emas yang tinggal di pusat jagaan lebih mudah terdedah kepada kemurungan ini.<sup>13</sup>

---

<sup>11</sup> Siti Marziah Zakaria, Khadijah Alavi & Nasrudin Subhi, “Risiko Kesunyian dalam Kalangan Warga Tua di Rumah Seri Kenangan,” *Jurnal Psikologi dan Pembangunan Manusia* 1, no. 1 (2013): h. 49, <http://spaj.ukm.my/ppppm/jppm/article/view/52/34>.

<sup>12</sup> José Eduardo Rondón Bernard, “Depression: A Review of its Definition,” *MOJ Addict Med Ther.* 5, no. 1 (2018): 6, <https://doi.org/10.15406/mojamt.2018.05.00082>; Pusat Rujukan Persuratan Melayu, *Kamus Bahasa Melayu Kamus Dewan Edisi Keempat* (Carian perkataan kemurungan) (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017), <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kemurungan>.

<sup>13</sup> Sandeep Grover & Nidhi Malhotra, “Depression in Elderly: A Review of Indian Research,” *J Geriatr Ment Health* 2, no. 1 (2015): abstract, <https://www.jgmh.org/text.asp?2015/2/1/4/161376>; Martin G. Cole & Nandini Dendukuri, “Risk Factors for Depression Among Elderly Community Subjects: A Systematic Review and Meta-Analysis,” *Am J Psychiatry* 160, no. 6 (2003): h. 1147, <https://doi.org/10.1176/appi.ajp.160.6.1147>; Sonja Šare et al., “Self-Esteem, Anxiety, and Depression in Older People in Nursing Homes,” *Healthcare* 9, no. 8 (1035) (2021): h. 1, <https://doi.org/10.3390/healthcare9081035>; John Snowdon, “Depression in Nursing

Berdasarkan perbincangan, jelaslah kesunyian dan kemurungan wujud dalam kalangan warga emas. Dalam keadaan ini, warga emas memerlukan pendekatan dari aspek kerohanian dan fizikal agar beroleh kesejahteraan rohani, iaitu *sa'ādah* dalam menghadapi hari tua mereka.

Kerohanian adalah perhubungan seseorang manusia dengan Penciptanya agar jiwanya sentiasa dekat dengan Allah SWT.<sup>14</sup> Pendisiplinan secara berterusan dalam diri seseorang untuk menyucikan hati agar bersih dari karat hawa nafsu menjadikan hati bersih seperti cermin yang berkilau, yang mampu memantulkan cahaya Ilahi.<sup>15</sup> Hal ini melahirkan seseorang yang berakhlak terpuji,<sup>16</sup> dengan dikurniakan kefahaman yang mendalam dalam diri tentang perkara buruk dan baik, keimanan yang teguh, dan reda kepada takdir ketentuan Allah SWT.<sup>17</sup>

Lazimnya, pendekatan atau amalan kerohanian melibatkan proses mengawal hawa nafsu, seperti berpuasa dan melakukan amalan sunat. Menurut al-Ghazālī, proses

---

Homes," *International Psychogeriatrics* 22, no. 7 (2010): h. 1143, <https://doi.org/10.1017/S1041610210001602>.

<sup>14</sup> Noor Shakirah Mat Akhir, *Al-Ghazālī and His Theory of the Soul a Comparative Study* (Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2008), h. 294. Selepas ini disebut Noor Shakirah Mat Akhir, *Al-Ghazālī and His Theory of the Soul*.

<sup>15</sup> Al-Ghazzali, h. 8-9; Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad al-Ghazālī (Imam al-Ghazali), *Kīmīyā' al-Sa'ādah Kimia Ruhani untuk Kebahagiaan Abadi*, terj. Dedi Slamet Riyadi & Fauzi Bahreisy (Jakarta, Indonesia: Penerbit Zaman, 2001), h. 14.

<sup>16</sup> Che Zarrina Sa'ari, "A Purification of Soul According to Sufis: A Study of al-Ghazālī's Theory," *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam (AFKAR)* 3, no. 1 (Rabī' al-Awwāl 1423 / Mei – Jun 2002): h. 96, <https://ejournal.um.edu.my/index.php/afkar/article/view/6020>.

<sup>17</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyya, *Madārij as-Salikīn (Ranks of the Divine Seekers) A Parallel English-Arabic Text Volume 1*, trans., annot. and introduced Ovamir Anjum (Leiden; Boston: Brill, 2020), h. 296. Lihat juga Harold G. Koenig, "Religion, Spirituality, and Health: The Research and Clinical Implications," *International Scholarly Research Network ISRN Psychiatry* 2012, no. 278730 (2012): h. 3, <https://doi.org/10.5402/2012/278730>.

ini dipanggil *tazkiyah al-nafs*.<sup>18</sup> Proses ini antara langkah yang disarankan untuk mencapai kebahagiaan (*sa'ādah*) di dunia dan di akhirat.

Pendekatan kerohanian mendatangkan kesan yang positif bagi sesiapa yang mengamalkannya. Pendekatan kerohanian berlandaskan keagamaan ternyata boleh mengurangkan tahap keresahan (*anxiety*) dalam kalangan wanita secara signifikan, serta mengurangkan tahap kemurungan dalam kalangan lelaki. Amalan kerohanian seperti solat lima waktu boleh mendatangkan kepuasan hidup dan *sa'ādah* kepada seseorang dan berkesan menghalang tekanan akibat kemurungan, serta boleh mengurangkan kesunyian dan kemurungan seseorang.<sup>19</sup> Pendekatan dari aspek fizikal turut mendatangkan kebaikan di mana penglibatan dalam aktiviti fizikal seperti senaman berkesan mengurangkan simptom kemurungan dan kesunyian sekaligus memperbaiki kesejahteraan rohani seseorang, termasuk golongan warga emas.<sup>20</sup> Hal ini menunjukkan amalan kerohanian dan aktiviti fizikal berperanan mengurangkan kemurungan dan kesunyian seseorang.

Berdasarkan perbincangan, ternyata terdapat beberapa keadaan yang boleh mencetuskan *sa'ādah* dalam diri seseorang yang dapat merawat, mengurangkan dan

---

<sup>18</sup> Al-Ghazzali, h. 9; Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad al-Ghazālī (Imam al-Ghazali), *Kīmiyā' al-Sa'ādah Kimiā Ruhani untuk Kebahagiaan Abadi*, terj. Dedi Slamet Riyadi & Fauzi Bahreisy (Jakarta, Indonesia: Penerbit Zaman, 2001), h. 14.

<sup>19</sup> Ali Ali Gobaili Saged et al., "The Effect of an Islamic-Based Intervention on Depression and Anxiety in Malaysia." *Journal of Religion and Health* 61, no. 1 (2022): h. 79, <https://doi.org/10.1007/s10943-021-01484-3>; Meguellati Achour et al., "Religiosity and Subjective Well-being Towards a Balanced Civilization: A Study Among Muslim Older Adults in Malaysia," *Jurnal Al-Tamaddun* 14, no. 2 (2019): h. 153, <https://doi.org/10.22452/JAT.vol14no2.12>; Jina Han & Virginia E. Richardson, "The Relationship Between Depression and Loneliness Among Homebound Older Persons: Does Spirituality Moderate This Relationship?," *Journal of Religion & Spirituality in Social Work: Social Thought* 29, no. 3 (2010): h. 230, <https://doi.org/10.1080/15426432.2010.495610>.

<sup>20</sup> Virginia Overdorf et al., "The Relationship Between Physical Activity and Depressive Symptoms in Healthy Older Women," *Gerontology & Geriatric Medicine* 2 (2016): h. 1, <https://doi.org/10.1177%2F2333721415626859>; Anastasia V. Shvedko et al., "Physical Activity Intervention for Loneliness (PAIL) in Community-dwelling Older Adults: Protocol for a Feasibility Study," *Pilot and Feasibility Studies* 4, no. 187 (2018): h. 1, <https://dx.doi.org/10.1186%2Fs40814-018-0379-0>.

menghindarkan krisis kerohanian seseorang seperti kesunyian dan kemurungan. Keadaan yang dimaksudkan ialah melakukan amalan kerohanian dan terlibat dalam aktiviti fizikal. Namun begitu, keadaan yang sama tidak dapat dipastikan bagi warga emas yang tinggal di pusat jagaan. Oleh itu kajian ini berkehendak mengkaji konsep *sa'ādah* dalam falsafah kebahagiaan al-Ghazālī, dan mengenal pasti persepsi warga emas tentang konsep *sa'ādah* berdasarkan amalan kerohanian dan aktiviti fizikal (sesi perkhidmatan) di pusat jagaan, serta menganalisis persepsi warga emas tentang konsep *sa'ādah* berdasarkan falsafah kebahagiaan menurut al-Ghazālī.

Oleh yang demikian, penelitian konsep *sa'ādah* dalam kajian ini adalah keperluan untuk mengenal pasti persepsi warga emas tentang kebahagiaan. Perbincangan ini juga dapat menceritakan dengan lebih jelas hubung kait amalan kerohanian dan aktiviti fizikal warga emas di pusat jagaan dengan kebahagiaan yang ditafsirkan, yang boleh menghindarkan warga emas dari dilanda krisis kerohanian seperti kesunyian dan kemurungan.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Karya *Kīmīyā' al-Sa'ādah* membincangkan dengan terperinci tentang cara-cara untuk mencapai kebahagiaan menurut pandangan al-Ghazālī. Setelah diteliti, pandangan beliau dikenal pasti sebagai falsafah<sup>21</sup> kebahagiaan yang mencerminkan keserjanaan pemikiran al-Ghazālī yang begitu signifikan dalam mencapai kebahagiaan rohani yang hakiki.

---

<sup>21</sup> Perkataan falsafah berasal daripada gabungan dua perkataan Yunani iaitu "Philo – Sophia" yang bermaksud 'Cintakan Hikmat.' {Mohd. Sulaiman Yasin, *Pengantar Falsafah Islam*, Cet. Kedua (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1984), h. 16.}

Antara faktor pandangan al-Ghazālī dipilih untuk mengkaji persepsi warga emas tentang kebahagiaan ialah al-Ghazālī merupakan tokoh sarjana zaman pertengahan yang telah dianggap sebagai seorang pakar jiwa Islam yang terawal kerana pemikiran beliau yang tajam terhadap aspek jiwa manusia.<sup>22</sup> Beliau juga seorang pemangkin dalam bidang kerohanian kerana karya beliau yang bertujuan membimbing umat Islam dalam bidang kerohanian Islam.<sup>23</sup> Dalam karya *Kīmīyā' al-Sa'ādah*, asas kebahagiaan adalah berdasarkan amalan kerohanian yang dibincangkan dengan teliti oleh al-Ghazālī. Kerangka pemikiran ini difikirkan perlu dan sesuai untuk golongan warga emas berdasarkan autoriti al-Ghazālī, antaranya ialah keaslian pendapat beliau yang berasaskan al-Qur'ān dan al-Sunnah.<sup>24</sup>

Al-Ghazālī juga seorang yang rasionalis dalam mencari kebenaran dan menyatakan perlunya amal dan ilmu yang seimbang untuk mendapatkan ilmu pengetahuan,<sup>25</sup> dan tidak pernah menolak jalan lain mencapai ilmu pengetahuan. Antaranya menggunakan hikmah dan ilham kerohanian yang didapatinya dalam mencari kebenaran.<sup>26</sup> Beliau turut dikenali sebagai seorang yang berpengetahuan luas kerana menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan, antaranya seperti perundangan dan

---

<sup>22</sup> Noor Shakirah Mat Akhir, *Al-Ghazālī and His Theory of the Soul*, h. 287-288. Huraian lebih lanjut ada di bab dua kajian ini.

<sup>23</sup> Abdel Nasir Yousuf Abde & Kahree Salih, "The Literature of Happiness "With reference of the Philosophy of Happiness in Islam,"" *Journal of Islamic Studies and Culture* 3, no. 2 (December 2015): h. 184, <http://jiscnet.com/vol-3-no-2-december-2015-abstract-18-jisc>.

<sup>24</sup> Elbahloul Mohamed Hussein et al., "Spirit In The Opinion Of Muslim Philosophers: Al-Ghazali As Model," *Jurnal Hadhari: An International Journal* 4, no. 2 (2012): h. 156, <http://ejournals.ukm.my/jhadhari/article/view/12509>.

<sup>25</sup> Di samping itu, kesempurnaan akhlak hanya dapat dicapai dengan mengawal hawa nafsu dengan ketat. Seterusnya, untuk mencapai kesempurnaan, adalah melalui ilmu pengetahuan dan kebebasan. Ilmu pengetahuan membantu seseorang untuk memperolehi ilmu tentang Tuhannya. Manakala, kebebasan melepaskan manusia dari terjerat kepada keghairahan dan hawa nafsu dan juga kesedihan duniawi. (Mūfit Selim Saruhan, "On The Ethical Rationalism Of Al-Ghazali," *Journal of Islamic Research* 3, no. 2 (Dec 2010): h. 54-57, [http://isamveri.org/pdfdrq/D03380/2010\\_3\\_2/2010\\_3\\_2\\_SARUHANMS.pdf](http://isamveri.org/pdfdrq/D03380/2010_3_2/2010_3_2_SARUHANMS.pdf).)

<sup>26</sup> Amani Mohamed Elshimi, *Al-Ghazali's Integral Epistemology: A Critical Analysis of the Jewels of the Quran* (Masters thesis, The Department of Arab and Islamic Civilization, School of Humanities and Social Sciences, The American University in Cairo, 2017), h. 5.

teologi dogmatik,<sup>27</sup> serta dikenali sebagai salah seorang pemikir paling berpengaruh kerana pemikirannya melangkaui kebudayaan dan kepercayaan.<sup>28</sup>

Penulisan al-Ghazālī adalah berdasarkan kisah yang benar,<sup>29</sup> dan beliau seorang yang teliti dan berhati-hati dalam penulisan karya beliau.<sup>30</sup> Ketelitian beliau turut dilihat apabila beliau mengkaji maksud sebenar ilmu pengetahuan secara mendalam sehingga tiada keraguan padanya.<sup>31</sup> Sebagai seorang ahli falsafah yang ulung dan prolific, banyak karya beliau yang telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa.<sup>32</sup>

Berdasarkan perbincangan mengenai autoriti al-Ghazālī, pemilihan beliau difikirkan tepat berdasarkan kredibiliti beliau yang tidak boleh dipertikaikan lagi. Setelah dikaji, ternyata pemikiran al-Ghazālī melangkaui batasan kebudayaan dan kepercayaan, beliau juga seorang penulis Islam yang paling prolific, pemikir dan ahli falsafah yang ulung serta seorang yang rasionalis, tidak pernah menolak jalan lain mencapai ilmu pengetahuan, teliti, mempunyai pendapat yang asli berasaskan al-Qur'ān dan al-Sunnah, penulisannya berdasarkan kisah yang benar dan beliau sangat berpengetahuan luas. Malah, al-Ghazālī telah dianggap sebagai seorang pakar jiwa Islam yang terawal kerana

---

<sup>27</sup> Muhammad Abul Quasem, "Al-Ghazali's Rejection of Philosophic Ethics," *Islamic Studies* 13, no. 2 (June 1974): h. 111, [https://www.jstor.org/stable/20846911?seq=1#page\\_scan\\_tab\\_contents](https://www.jstor.org/stable/20846911?seq=1#page_scan_tab_contents).

<sup>28</sup> Ebrahim Moosa, ed., *Ghazālī and the Poetics of Imagination* (USA: The University of North Carolina Press, 2005), h. 2-3.

<sup>29</sup> Muhammad Abūlaylah, Translator's Introduction to *Al-Ghazali Deliverance from Error and Mystical Union with the Almighty Al-Munqidh Min Al-Dalal*, trans. and eds. Muhammad Abūlaylah & George F. McLean (Washington, D.C.: The Council for Research in Values and Philosophy, 2001), h. iii.}

<sup>30</sup> Che Zarrina Sa'ari, "Al-Ghazali's Views on the Heart, the Spirit and the Soul: A Comparison Between Ihya' 'Ulum Al-Din and Al-Risalah Al-Laduniyyah," *Jurnal Usuluddin* 7 (1998): h. 193, <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/3301>.

<sup>31</sup> Mohammad Alwahaib, "Al-Ghazali and Descartes from Doubt to Certainty: A Phenomenological Approach," *Discusiones Filosóficas*. Año 18, N° 31 (Julio – Diciembre 2017) / *Philosophical Discussions Year 18, no. 31 (July – December, 2017)*: h. 19-21, [http://www.scielo.org.co/scielo.php?script=sci\\_arttext&pid=S0124-61272017000200015](http://www.scielo.org.co/scielo.php?script=sci_arttext&pid=S0124-61272017000200015). Seperti yang dinyatakan oleh al-Ghazālī dalam al-Ghazālī, *Deliverance from Error (al-Munqidh min al-Dalāl)*, trans. Richard J. McCarthy (Boston: Twayne, 1980), h. 3 (perenggan 7).

<sup>32</sup> Kamarudin Salleh, "An Examination on the Nature of al-Ghazali Sufism," *Islāmiyyāt* 17 (1996): h. 47, <http://ejournal.ukm.my/islamiyyat/article/view/4028/2278>.



pemikirannya yang tajam tentang aspek-aspek pada jiwa manusia serta pemangkin dalam bidang kerohanian Islam. Jelaslah, kerangka pemikiran beliau sangat wajar diterapkan untuk mengenal pasti konsep *sa'ādah* menurut warga emas.

Pada usia senja, warga emas tentunya mengimpikan kebahagiaan yang berpanjangan. Namun begitu, golongan ini sering terdedah dengan krisis kerohanian seiring pertambahan usia mereka. Krisis bermaksud keadaan yang tidak tetap atau tidak tenang yang boleh menyebabkan berlakunya perubahan secara tiba-tiba yang selalunya mendatangkan kesan yang tidak baik, manakala kerohanian bermaksud kejiwaan dan kebatinan.<sup>33</sup> Antara krisis kerohanian yang sering melanda warga emas ialah kesunyian. Selain kesunyian, warga emas turut terdedah kepada risiko menghadapi kemurungan pada usia tua mereka. Isu sebegini merupakan faktor yang boleh menjejaskan kebahagiaan warga emas pada hari tua.

Berdasarkan laporan Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Ke-5 (KPKM-5), telah mendapati kira-kira 40 peratus warga emas di negara ini pernah mengalami rasa sunyi kerana kurang mendapat perhatian ahli keluarga yang sibuk.<sup>34</sup> Kesunyian dalam kalangan warga emas terjadi disebabkan oleh perubahan-perubahan dalam hidup, kehilangan insan tersayang serta kemerosotan fungsi fizikal dan kognitif. Selain itu, tinggal di luar bandar dan mempunyai tahap pendidikan dan pendapatan yang rendah turut menyumbang kepada risiko kesunyian. Kesunyian boleh menyebabkan seseorang

---

<sup>33</sup> Pusat Rujukan Persuratan Melayu, *Kamus Bahasa Melayu Kamus Dewan Edisi Keempat* (Carian perkataan krisis) (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017), <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=krisis>; Pusat Rujukan Persuratan Melayu, *Kamus Bahasa Melayu Kamus Dewan Edisi Keempat* (Carian perkataan kerohanian) (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017), <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kerohanian&d=102572&#LIHATSINI>. Kerohanian turut merujuk kepada hubungan seseorang manusia dengan Penciptanya agar jiwanya sentiasa dekat dengan Allah SWT (Noor Shakirah Mat Akhir, *Al-Ghazālī and His Theory of the Soul*, h. 294).

<sup>34</sup> Muhd Amirul Faiz Ahmad, "40 peratus warga tua kesunyian," *Berita Harian Online*, 8 November 2015, <https://www.bharian.com.my/node/95266>.

warga emas mengalami kemurungan dan demensia (*dementia*). Biasanya, warga emas wanita dan mana-mana warga emas lelaki dan wanita yang tinggal di pusat jagaan berisiko mengalami kesunyian.<sup>35</sup>

Begitu juga, kemurungan dalam kalangan warga emas bukanlah sesuatu yang asing dalam konteks di Malaysia. Tahap kemurungan warga emas terbahagi kepada tiga iaitu kemurungan tahap rendah, kemurungan tahap sederhana serta kemurungan tahap kronik. Majoriti golongan warga emas mengalami kemurungan tahap rendah. Hanya segelintir sahaja yang mengalami kemurungan tahap sederhana. Kemurungan tahap rendah mempunyai simptom-simptom seperti kesakitan pada anggota badan, perasaan sunyi dan kecewa, serta merasakan bahawa kehidupan kosong dan tidak mempunyai sebarang erti lagi. Antara simptom kemurungan tahap sederhana pula ialah penghidapnya suka menyendiri, tidak bermaya dan merasa putus asa. Penghidap kemurungan tahap kronik pula kerap memikirkan kematian sama ada inginkan kematian atau takutkan kematian. Kemurungan perlu dikenal pasti segera agar tidak berlarutan dan menjadi lebih teruk.<sup>36</sup> Berdasarkan laporan, kadar kemurungan dalam kalangan warga emas di negara ini adalah di antara 6.3 hingga 30.1 peratus. Kemurungan yang

---

<sup>35</sup> Siti Marziah Zakaria, Khadijah Alavi & Nasrudin Subhi, "Risiko Kesunyian dalam Kalangan Warga Tua di Rumah Seri Kenangan," *Jurnal Psikologi dan Pembangunan Manusia* 1, no. 1 (2013): h. 50, <http://spaj.ukm.my/ppppm/jppm/article/view/52/34>; M. Berg-Weger & J. E. Morley, "Loneliness in Old Age: An Unaddressed Health Problem," *J Nutr Health Aging* 24, no. 3 (2020): h. 243, <https://doi.org/10.1007/s12603-020-1323-6>; Olujoke A. Fakoya, Noleen K. McCorry, & Michael Donnelly, "Loneliness and Social Isolation Interventions for Older Adults: A Scoping Review of Reviews," *BMC Public Health* 20, no. 129 (2020): h. 2, <https://doi.org/10.1186/s12889-020-8251-6>; Khin Thandar Aung, Mohd Said Nurumal & Wan Nur Syakirah Wan Bukhari, "Loneliness Among Elderly in Nursing Homes," *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled* 2 (2017): h. 72, [https://ijcwed.com/wp-content/uploads/2017/06/IJCWED2\\_71.pdf](https://ijcwed.com/wp-content/uploads/2017/06/IJCWED2_71.pdf); Robert F. Creecy, William E. Berg, & Roosevelt Wright, "Loneliness Among the Elderly: A Causal Approach," *Journal of Gerontology* 40, no. 4 (July 1985): h. 487–493, <https://doi.org/10.1093/geronj/40.4.487>.

<sup>36</sup> Normala Riza, "Faktor yang Mempengaruhi Kemurungan dalam Kalangan Warga Tua di Pusat Jagaan Terpilih" (kertas kerja yang dibentangkan di *3<sup>rd</sup> Conference in Advancing Social Work Series: Improving Practice Competencies through Education & Mentoring, Kuching Hilton Hotel, Sarawak 17<sup>th</sup> – 18<sup>th</sup> July 2012*), h. 8-10, [https://www.academia.edu/8991039/Faktor\\_yang\\_Mempengaruhi\\_Kemurungan\\_dalam\\_Kalangan\\_Warga\\_Tua\\_di\\_Pusat\\_Jagaan\\_Terpilih\\_Oleh](https://www.academia.edu/8991039/Faktor_yang_Mempengaruhi_Kemurungan_dalam_Kalangan_Warga_Tua_di_Pusat_Jagaan_Terpilih_Oleh). Selepas ini disebut Normala Riza, "Faktor yang Mempengaruhi Kemurungan dalam Kalangan Warga Tua."

tidak dirawat boleh menyebabkan kemerosotan fungsi warga emas, beban kepada sistem penjagaan kesihatan dan penurunan kualiti hidup warga emas serta ahli keluarga mereka.<sup>37</sup>

Antara faktor kemurungan dalam kalangan warga emas ialah pengabaian oleh ahli keluarga terdekat. Antara faktor warga emas diabaikan pada usia tua mereka ialah ahli keluarga lebih mementingkan kerjaya atau tinggal berjauhan, jurang komunikasi yang agak besar antara warga emas dan ahli keluarga yang lain, ketidakbolehpercayaan warga emas kepada ahli keluarga untuk menjaganya, masalah kewangan ahli keluarga serta tahap kesihatan warga emas itu sendiri.<sup>38</sup> Dalam kajian lain pula mendapati, faktor-faktor yang menyebabkan kemurungan dalam kalangan warga emas ialah pertama, iaitu tekanan terhadap persekitaran seperti merasakan kehidupan yang sunyi dan terpenjara. Faktor kedua ialah peristiwa masa lalu yang menyebabkan kesedihan seperti kematian, perceraian, layanan anak-anak serta kehilangan harta benda dan tempat tinggal. Faktor ketiga ialah kekurangan sokongan sosial dari segi rohani dan jasmani. Faktor keempat ialah penyakit fizikal seperti penyakit yang kronik. Faktor yang kelima ialah keperibadian iaitu warga emas enggan mengadu masalah yang dihadapi, di mana mereka tidak ingin mengakui bahawa diri mereka tertekan kerana khatir akan dilihat sebagai seorang yang lemah.<sup>39</sup>

Berdasarkan perbincangan, jelaslah masalah kesunyian dan kemurungan wujud dalam kalangan warga emas dengan pelbagai tahap yang dikenal pasti. Hal ini

---

<sup>37</sup> "Kadar kemurungan warga emas di Malaysia 6.3 hingga 30.1 peratus," *Utusan Borneo Online*, 7 Oktober 2017, <https://www.utusanborneo.com.my/2017/10/07/kadar-kemurungan-warga-emas-di-malaysia-63-hingga-301-peratus>.

<sup>38</sup> Noraini Che' Sharif et al., "Pengalaman dan Faktor Pengabaian Warga Emas dalam Komuniti (Experiences and Factors of Negligence among Elderly in Community)," *Journal of Social Sciences and Humanities* 10, no. 1 (2015): h. 131, [http://journalarticle.ukm.my/9331/1/118-134\\_Noraini\\_warga\\_emas.pdf](http://journalarticle.ukm.my/9331/1/118-134_Noraini_warga_emas.pdf). Selepas ini disebut Noraini Che' Sharif et al., "Pengalaman dan Faktor Pengabaian Warga Emas."

<sup>39</sup> Normala Riza, "Faktor yang Mempengaruhi Kemurungan dalam Kalangan Warga Tua," h. 7 – 8.

menunjukkan warga emas memerlukan alternatif yang lebih baik untuk menghadapi krisis kerohanian yang dialami seiring pertambahan usia mereka. Secara umumnya, pihak kerajaan turut telah mengambil langkah dalam memelihara kebajikan warga emas agar kesejahteraan warga emas dapat ditingkatkan serta kesunyian dan kemurungan dapat dielakkan serta dikurangkan. Malah, terdapat langkah yang telah dicadangkan oleh para penyelidik agar masalah ini dapat diatasi.

Sebagai contoh, pihak kerajaan telah menggubal Dasar Warga Tua Negara seawal pada tahun 1995. Kemudian dasar ini telah ditambah baik menjadi Dasar Warga Emas Negara (DWEN) pada 5 Januari 2011. Salah satu program pembangunan DWEN ialah pelaksanaan pembangunan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang berperanan menangani isu dan cabaran warga emas. Oleh yang demikian, PAWE dijadikan pusat rujukan warga emas untuk mendapatkan khidmat serta menjalankan aktiviti harian. Kewujudan PAWE turut menyumbang kepada kesejahteraan warga emas dalam masyarakat setempat. Melalui peruntukan projek Rancangan Malaysia kelapan dan kesembilan, terdapat 22 buah PAWE yang telah diwujudkan di Malaysia.<sup>40</sup> Penubuhan PAWE merupakan tindakan proaktif bagi memastikan golongan warga emas di negara ini kekal aktif, cergas dan tidak kesunyian. PAWE semakin terkenal dalam kalangan warga emas kerana ia dapat membantu golongan ini mengisi masa lapang sambil menghilangkan kesunyian, terutama setelah kehilangan pasangan atau berjauhan dari anak-anak. Di PAWE juga warga emas berpeluang beramah mesra bersama-sama rakan

---

<sup>40</sup> Noraida Ibrahim, Zarina Mat Saad & Fatimah Zailly Ahmad Ramli, "Dasar Warga Emas Negara dan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di Malaysia," (kertas kerja yang dibentangkan di *International Social Development Conference 2014 (ISDC 2014), Bayview Hotel Langkawi, Malaysia 12 – 13 August 2014*), abstrak, <http://repo.uum.edu.my/13227/>; "Dasar Warga Emas Negara," tarikh kemas kini 20 Jun 2017, Portal JKM, <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=WjFUDFBURTV0Zis0N0NxYm05Qk9XQT09>.

sebaya, justeru mewujudkan jaringan yang sesuai untuk golongan ini menghabiskan masa bersama-sama.<sup>41</sup>

Selain itu, warga emas turut disarankan menyertai kumpulan sokongan diri yang menyediakan platform agar warga emas boleh berkongsi perasaan kesunyian yang dialami dengan warga emas yang sebaya dengan mereka. Warga emas juga boleh melakukan aktiviti fizikal yang disukai seperti memasak, membaca buku, menonton televisyen, mendengar radio, dan menulis diari sebagai alternatif menghilangkan kesunyian.<sup>42</sup> Dalam isu kemurungan, pihak kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti harus mengambil peranan yang wajar dengan mengadakan kempen secara besar-besaran dan berterusan dengan menggunakan media massa. Kempen tersebut mesti menerangkan mengenai punca-punca serta kesan dan akibat pengabaian dalam kalangan warga emas iaitu kemurungan, agar dapat memberi kesedaran kepada masyarakat yang mengabaikan warga emas, seterusnya dapat mengurangkan kes-kes pengabaian dalam kalangan warga emas.<sup>43</sup>

Setelah diteliti, walaupun terdapat cadangan penyelesaian untuk mengatasi masalah yang melibatkan kerohanian warga emas, tetapi masih belum mencukupi agar masalah itu dapat diatasi dengan sepenuhnya. Hal ini kerana langkah-langkah yang dicadangkan lebih bersifat luaran seperti kempen media massa dan penyediaan pusat komuniti warga emas. Oleh itu, keperluan warga emas kepada penghayatan dan

---

<sup>41</sup> Asmah Adenan, "'Sindrom kesunyian' warga emas Malaysia ditangani melalui PAWE – Rohani," *Sarawak Voice*, 13 Mac 2018, <https://sarawakvoice.com/2018/03/13/sindrom-kesunyian-warga-emas-malaysia-ditangani-melalui-pawe-rohan9960069/>.

<sup>42</sup> Noornajihan Jaafar et al., "Kesunyian dalam Kalangan Warga Emas: Praktik Semasa dan Solusi dari Risalah An-Nur," *Al-Hikmah International Journal for Islamic Studies & Human Sciences* 4, no. 3 (2021): h. 41 – 42, <https://doi.org/10.46722/hkmh.4.3.21c>; Amran Hassan, Noriah Mohamed, & Zubaidah Rasol, "Perasaan Loneliness @ Kesunyian dan Strategi Daya Tindak dalam Kalangan Warga Emas yang Menghuni di Rumah Seri Kenangan, Cheras, Selangor," *Journal of Human Development and Communication* 2 (2013): h. 100, <http://dspace.unimap.edu.my/xmlui/handle/123456789/41459>.

<sup>43</sup> Noraini Che' Sharif et al., "Pengalaman dan Faktor Pengabaian Warga Emas," h. 131.

pengisian rohani adalah amat ketara. Pengisian rohani dianggap satu pendekatan alternatif yang dijangka mampu merawat masalah kemurungan, kesunyian, dan apa jua krisis kerohanian yang biasanya dialami oleh golongan warga emas, dan seterusnya menjadikan warga emas berasa bahagia meniti usia senja mereka.

Dalam satu kajian mendapati aktiviti keagamaan merupakan elemen penting sebagai sumber sokongan emosi terhadap warga emas. Antara amalan yang dapat mengisi kerohanian dalam kalangan warga emas ialah solat lima waktu, berpuasa di bulan Ramadan, membayar zakat, menunaikan haji dan lain-lain kewajipan agama. Di samping itu terdapat amalan lain juga seperti amalan sunat yang mempunyai kebaikan apabila diamalkan seperti bersedekah, berzikir, berdoa dan menghadiri majlis ilmu. Amalan ini juga berperanan menyucikan jiwa melalui *riyāḍah* dan *mujāhadah* yang bersungguh-sungguh dan berkesan untuk menyucikan dan melengkapkan jiwa dalam konteks membentuk akhlak, dan boleh merawat penyakit hati.<sup>44</sup> Begitu juga terapi kumpulan dan aktiviti fizikal yang bersesuaian boleh mengurangkan simptom kemurungan dan kesunyian dalam kalangan warga emas.<sup>45</sup> Hasil kajian ini menunjukkan amalan agama dan aktiviti fizikal yang bersesuaian memainkan peranan penting dalam menjana rohaniah warga emas. Hal ini turut menunjukkan pendekatan kerohanian serta aktiviti fizikal boleh mendatangkan ketenangan terhadap warga emas.

---

<sup>44</sup> Muhammad Khairi Mahyuddin et al., "Cabaran Abad 21 dan Keperluan Amalan Kerohanian oleh Warga Emas," *Jurnal Ushuluddin Adab dan Dakwah* 1, no. 2 (2018): h. 179 & 182-183, <http://journal.iaialmawar.ac.id/index.php/juad/article/view/141/42>; Azimah Abdullah & Mohd Farid Mohd Sharif, "The Concept of Islamic Personality and Spiritual Development," *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences* 9, no. 9 (2019): h. 942, <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v9-i9/6383>.

<sup>45</sup> Baqar A. Husaini et al., "Group Therapy for Depressed Elderly Women," *International Journal of Group Psychotherapy* 54, no. 3 (2004): h. 295, <https://doi.org/10.1521/ijgp.54.3.295.40340>; Haewon Byeon, "Relationship between Physical Activity Level and Depression of Elderly People Living Alone," *International Journal of Environmental Research and Public Health* 16, no. 20 (2019): h. 2, <https://doi.org/10.3390/ijerph16204051>; Fabian Pels & Jens Kleinert, "Loneliness and Physical activity: A Systematic Review," *International Review of Sport and Exercise Psychology* 9, no. 1 (2016): h. 231, <http://dx.doi.org/10.1080/1750984X.2016.1177849>.

Selain isu kesunyian dan kemurungan warga emas yang memerlukan kajian ini dilakukan, pandangan warga emas tentang kebahagiaan adalah kurang jelas dan mempunyai ruang untuk dikaji. Para sarjana moden memperincikan konsep kebahagiaan warga emas melalui konsep teknikal yang menitikberatkan kesejahteraan luaran tanpa menumpukan kesejahteraan rohani. Dalam satu kajian, antara kunci kepada penuaan yang membahagikan adalah melalui penglibatan dalam aktiviti kognitif, fizikal dan sosial yang merujuk kepada rutin seharian warga emas yang bersifat luaran semata-mata.<sup>46</sup>

Terdapat juga kajian yang menggabungkan faktor luaran dan dalaman yang boleh mendatangkan kebahagiaan kepada warga emas. Antara faktor luaran lain yang mempengaruhi kebahagiaan warga emas ialah pendapatan, umur, kualiti kehidupan, perkahwinan, bersilaturahim, kesihatan yang baik, mempunyai hubungan yang baik dengan anak menantu cucu, dan mempunyai hubungan yang baik dengan saudara mara. Faktor dalaman yang mempengaruhi kebahagiaan warga emas pula ialah bersyukur kepada Allah, dan saling memaafkan.<sup>47</sup> Di samping itu, warga emas dikatakan lebih tenteram, tidak kesepian, bahagia dan lega serta tidak terlalu memikirkan kematian apabila tinggal bersama keluarga, berbanding warga emas yang mendiami rumah

---

<sup>46</sup> Wido G. M. Oerlemans, Arnold B. Bakker & Ruut Veenhoven, "Finding the Key to Happy Aging: A Day Reconstruction Study of Happiness," *The Journals of Gerontology, Series B: Psychological Sciences and Social Sciences* 66, no. 6 (2011): h. 672, <https://doi.org/10.1093/geronb/gbr040>; Shamsul Azhar Shah et al., "Factors Associated with Happiness among Malaysian Elderly," *International Journal of Environmental Research and Public Health* 18, no. 7 (3831) (2021): h. 1, <https://doi.org/10.3390/ijerph18073831>.

<sup>47</sup> Selain itu, antara kesan kebahagiaan terhadap warga emas ialah merasa gembira, lebih sabar, lebih tenang, sentiasa optimis, berkeyakinan, tidak berdendam, senang memberi dan reda kepada takdir pada usia tua (Ahmad Muhammad Diponegoro & Mulyono, "Faktor-faktor Psikologis yang Mempengaruhi Kebahagiaan pada Lanjut Usia Suku Jawa di Klaten," *Psikopedagogia* 4, no. 1 (2015): h. 13, <http://journal.uad.ac.id/index.php/PSIKOPEDAGOGIA/article/view/4476>.)

perlindungan.<sup>48</sup> Hal ini menunjukkan keluarga memainkan peranan penting sebagai sistem sokongan kepada warga emas.<sup>49</sup>

Walaupun terdapat kajian yang menggabungkan faktor luaran dan dalaman kebahagiaan warga emas seperti yang disebut di atas, kebahagiaan rohani yang hakiki menurut pandangan warga emas masih belum jelas. Hal ini kerana perbincangan di atas menunjukkan kebahagiaan warga emas dikaitkan dengan faktor luaran, antaranya perhubungan sosial dan tinggal bersama keluarga. Hal ini tentu berbeza bagi warga emas yang tidak tinggal bersama keluarga dan tinggal di pusat jagaan atas sebab-sebab tertentu. Terdapat satu kajian yang mendapati warga emas tidak gembira tinggal di pusat jagaan. Antara faktor yang menyebabkan mereka tidak gembira adalah kerana terdapat pengurus rumah perlindungan di bawah seliaan kerajaan yang tidak mengambil berat keperluan warga emas dan perlunya penambahbaikan bagi semua kemudahan yang ada di rumah perlindungan.<sup>50</sup> Bahkan, warga emas yang menetap di rumah kebajikan turut sukar untuk mempraktikkan amalan agama dengan baik di samping pengamalan agama bagi warga emas adalah terhad.<sup>51</sup>

Kajian di atas menunjukkan warga emas di pusat jagaan berasa tidak gembira disebabkan tidak diambil berat serta pengamalan agama di rumah kebajikan adalah

---

<sup>48</sup> Amran Hassan, Noriah Mohamed, & Zubaidah Rasol, "Perasaan Loneliness @ Kesunyian dan Strategi Daya Tindak dalam Kalangan Warga Emas yang Menghuni di Rumah Seri Kenangan, Cheras, Selangor," *Journal of Human Development and Communication* 2 (2013): h. 90, <http://dspace.unimap.edu.my/xmlui/handle/123456789/41459>.

<sup>49</sup> Eun Jeong Hwang & In Ok Sim, "Association of Living Arrangements with Happiness Attributes among Older Adults," *BMC Geriatrics* 21, no. 100 (2021): h. 12, <https://doi.org/10.1186/s12877-021-02017-z>.

<sup>50</sup> Shalini Sanmargaraja & Seow Ta Wee, "Pandangan Warga Tua di Rumah Warga Tua: Kajian Kes di Bandaraya Ipoh dan Johor Bahru" (kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar Kali Ke-4, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, 5 – 6 Mac 2013), h. 143.

<sup>51</sup> Elmi Baharuddin & Zainab Ismail, "Hubungan Kecerdasan Rohaniah Warga Tua dengan Amalan Agama di Rumah Kebajikan (Spiritual Intelligent Relationship of Elderly People with the Religious Practice in the Welfare Home)," *Islāmiyyāt* 35, no. 1 (2013): h. 19, <http://ejournals.ukm.my/islamiyyat/article/viewFile/4188/2322>. Selepas ini disebut Elmi Baharuddin & Zainab Ismail, "Hubungan Kecerdasan Rohaniah Warga Tua dengan Amalan Agama di Rumah Kebajikan."



terhad. Oleh itu, kajian ini perlu diadakan untuk meneliti adakah warga emas di pusat jagaan lain turut berasa tidak gembira ketika berada di pusat jagaan. Disebabkan itu, kajian ini perlu untuk meneliti persepsi tentang konsep kebahagiaan rohani yang hakiki iaitu *sa'ādah* bagi warga emas yang tinggal di pusat jagaan warga emas. Walaupun kajian ini hanya tertumpu di pusat jagaan warga emas Darul Hanan sahaja, namun dapatan kajian ini dapat dijadikan panduan untuk menggambarkan persepsi warga emas di pusat jagaan tentang konsep kebahagiaan yang sering diimpikan oleh mereka. Berdasarkan perbincangan, hal ini menunjukkan persepsi warga emas tentang konsep *sa'ādah* masih belum begitu jelas dan mempunyai ruang untuk dikaji.

Seterusnya, belum ada kajian yang menganalisis persepsi warga emas tentang konsep *sa'ādah* berdasarkan falsafah kebahagiaan menurut al-Ghazālī. Tetapi, terdapat kajian-kajian sedia ada yang mengaitkan kecerdasan warga emas dengan amalan kerohanian warga emas. Dalam satu kajian didapati kecerdasan rohaniah warga emas dan amalan agama di rumah kebajikan mempunyai kaitan yang positif dan signifikan. Antara amalan agama yang menjadi rutin harian warga emas yang dikaji ialah solat lima waktu, berpuasa, menunaikan zakat, melaksanakan ibadah haji, membaca al-Qur'ān, berzikir dan berqiamullail.<sup>52</sup> Berdasarkan kajian tersebut, menunjukkan tahap kebahagiaan warga emas dapat dikaitkan dengan amalan kerohanian masing-masing. Melalui amalan kerohanian yang dilakukan, biasanya warga emas akan berasa tenang dan bahagia. Namun begitu, kajian ini hanya menyasarkan amalan warga emas dalam rutin seharian (kecuali ibadah haji) tanpa melibatkan aspek lain seperti perkahwinan, merenung diri sebagaimana yang disarankan oleh al-Ghazālī dalam *Kīmīyā' al-Sa'ādah*.

---

<sup>52</sup> Elmi Baharuddin & Zainab Ismail, "Hubungan Kecerdasan Rohaniah Warga Tua dengan Amalan Agama di Rumah Kebajikan," h. 19.

Di samping itu, kurangnya kefahaman tentang konsep *sa'ādah* (kebahagiaan) yang sebenarnya turut membawa kepada keperluan kajian ini. Masyarakat yang kurang faham ini boleh dibimbing sepenuhnya melalui kajian ini yang membincangkan konsep kebahagiaan dengan lebih terperinci dengan merujuk falsafah kebahagiaan menurut al-Ghazālī dalam *Kīmīyā' al-Sa'ādah*. Berdasarkan kajian oleh Salasiah Hanin Hamjah, masyarakat kurang memahami konsep kebahagiaan disebabkan sikap kurang prihatin terhadap golongan ulama seperti al-Ghazālī, kurang menghayati ajaran Islam, kurang minat membaca, kurang sikap ingin tahu, kurang budaya berfikir dan cenderung kepada sekularisme. Akibatnya, masyarakat menghadapi pelbagai masalah kerohanian dan moral di samping tidak mempunyai panduan yang tepat untuk diikuti dalam mengejar kebahagiaan. Bahkan, terdapat pihak yang membataskan skop kebahagiaan terhadap individu dan keluarga sahaja.<sup>53</sup>

Pada masa yang sama, terdapat perbezaan pendapat tentang konsep *sa'ādah* itu sendiri. Menurut Ismail Anshari, terdapat perbezaan pendapat tentang istilah *sa'ādah* dan kaedah untuk mencapainya. Menurut beliau, antara dua tokoh yang berbeza pendapat tentang konsep *sa'ādah* ialah al-Ghazālī dan Ibn 'Arabī (m. 1240M/638H). Kajian beliau mendapati al-Ghazālī berpendapat cara untuk mencapai tingkat *sa'ādah* adalah melalui ilmu dan amal. Ibn 'Arabī pula berpendapat cara untuk mencapai tingkat *sa'ādah* adalah apabila sudah sampai ke peringkat makam kefanaan.<sup>54</sup>

Selain daripada itu, keperluan kajian ini ialah dapat menambah baik rujukan sedia ada tentang cara-cara mengaplikasikan falsafah kebahagiaan dalam kehidupan sebenar

---

<sup>53</sup> Salasiah Hanin Hamjah, *Falsafah Kebahagiaan Menurut al-Ghazali: Kajian Terhadap Kefahaman Masyarakat Melayu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur* (Tesis Sarjana, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1999), h. ii.

<sup>54</sup> Ismail Anshari, *Konsep Sa'ādah: Tinjauan Kritis ke atas Pemikiran al-Ghazālī dan Ibn 'Arabī* (Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia, 2001), h. x – xi.

masyarakat terutamanya bagi golongan warga emas agar dapat memahami makna kehidupan sekarang dan kehidupan selepas mati. Justeru, kajian ini difikirkan perlu pada masa sekarang, apatah lagi penyelidikan yang menganalisis persepsi warga emas tentang konsep *sa'ādah* berdasarkan falsafah kebahagiaan menurut al-Ghazālī, menjadikan kajian ini mempunyai nilai tambah untuk dikaji. Dalam erti kata lain, kajian ini mempunyai kebaruan penyelidikan untuk mengisi jurang penyelidikan.

Berdasarkan perbincangan, antara keperluan utama kajian ini dijalankan ialah karya *Kimīyā' al-Sa'ādah* membincangkan dengan terperinci tentang cara-cara untuk mencapai kebahagiaan menurut pandangan al-Ghazālī serta autoriti al-Ghazālī sebagai seorang pakar jiwa Islam yang terawal dalam aspek kerohanian jiwa manusia. Di samping itu, golongan warga emas memerlukan pendekatan dari aspek kerohanian dan fizikal dalam menghadapi kesunyian dan kemurungan dengan mengenal pasti persepsi mereka tentang konsep *sa'ādah* setelah melakukan amalan kerohanian dan menerima sesi perkhidmatan di pusat jagaan warga emas Darul Hanan ini. Kajian ini turut dilakukan kerana pandangan warga emas tentang kebahagiaan yakni konsep *sa'ādah* adalah kurang jelas dan mempunyai ruang untuk dikaji, serta belum ada kajian yang menganalisis persepsi warga emas tentang konsep *sa'ādah* berdasarkan falsafah kebahagiaan menurut al-Ghazālī. Kajian ini juga perlu kerana kurangnya kefahaman tentang konsep *sa'ādah* (kebahagiaan) yang sebenarnya, terdapat perbezaan pendapat tentang konsep *sa'ādah* itu sendiri serta kajian ini perlu dilakukan untuk menambah baik rujukan sedia ada tentang cara-cara mengaplikasikan falsafah kebahagiaan.

Hal ini jelas menunjukkan perlunya perbincangan yang lebih mendalam tentang konsep *sa'ādah* seperti yang ingin dikaji dalam kajian ini agar masyarakat mendapat kefahaman yang lebih jelas tentang konsep *sa'ādah*. Kajian ini perlu dijalankan agar

masyarakat awam secara amnya serta warga emas secara khususnya dapat diberi pendedahan, pengetahuan, maklumat dan kefahaman yang jelas tentang cara-cara mencapai kebahagiaan yang sebenar dan memahami konsep kebahagiaan tanpa perlu memudaratkan diri, dengan mengetahui dan memahami falsafah kebahagiaan menurut al-Ghazālī seperti yang dibincangkan dalam kajian ini. Kajian ini juga perlu kerana hasil kajian tentang persepsi warga emas mengenai konsep *sa'ādah* yang dianalisis berdasarkan falsafah kebahagiaan menurut al-Ghazālī turut akan dibincangkan.

Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengkaji falsafah kebahagiaan menurut al-Ghazālī dalam *Kīmīyā' al-Sa'ādah*, mengenal pasti persepsi warga emas tentang konsep *sa'ādah*, serta menganalisis persepsi warga emas tentang konsep *sa'ādah* berdasarkan falsafah kebahagiaan menurut al-Ghazālī. Kajian ini turut berkehendak memilih kompleks warga emas Darul Hanan sebagai lokasi kajian lapangan kerana ia menyediakan satu wadah dan tetapan (*setting*) yang sesuai bagi mengenal pasti persepsi warga emas tentang konsep *sa'ādah* melalui amalan kerohanian rutin dan sesi perkhidmatan untuk warga emas yang ditawarkan di pusat jagaan ini. Hasil kajian kelak dapat dijadikan asas panduan kebahagiaan warga emas meniti hari tua mereka, di samping menangani krisis kerohanian yang sering dihadapi seperti kesunyian dan kemurungan. Kajian ini juga perlu dilakukan kerana menggunakan metodologi kepustakaan dan kajian lapangan, dan tidak hanya bersifat falsafah semata – mata kerana kajian ini merupakan kajian lapangan yang mengkaji realiti semasa dan bersifat empirikal.

### **1.3 Objektif Kajian**

1. Mengkaji falsafah kebahagiaan menurut al-Ghazālī dalam *Kīmīyā' al-Sa'ādah*.
2. Menenal pasti persepsi warga emas tentang konsep *sa'ādah*.

3. Menganalisis persepsi warga emas tentang konsep *sa'ādah* berdasarkan falsafah kebahagiaan menurut al-Ghazālī.

#### 1.4 Persoalan Kajian

1. Bagaimanakah falsafah kebahagiaan al-Ghazālī dalam *Kīmīyā' al-Sa'ādah*?
2. Apakah persepsi warga emas tentang konsep *sa'ādah*?
3. Adakah persepsi warga emas tentang konsep *sa'ādah* selari dengan falsafah kebahagiaan menurut al-Ghazālī?

#### 1.5 Kajian Terdahulu

Melalui pembacaan, belum ada kajian yang dilakukan membicarakan tajuk “Falsafah Kebahagiaan al-Ghazālī dalam *Kīmīyā' al-Sa'ādah*: Analisis Persepsi Warga Emas tentang Konsep *Sa'ādah*.”

Walau bagaimanapun, penulisan mengenai konsep *sa'ādah* dan kebahagiaan, serta falsafah kebahagiaan menurut al-Ghazālī sudah ada dilakukan di dalam dan luar negara. Perbincangan dalam kajian terdahulu ini diletakkan dalam tema tertentu agar perbincangan tampak lebih jelas.

##### 1.5.1 Tema Kajian Terdahulu: Konsep *sa'ādah* dan kebahagiaan, serta falsafah kebahagiaan menurut al-Ghazālī

Dalam kajian berkaitan konsep *sa'ādah*, terdapat kajian perbandingan konsep *sa'ādah* menurut al-Ghazālī dan al-Dihlawī (m. 1762M/1186H). Kajian yang dilakukan oleh Noraini Junoh ini membincangkan konsep kebahagiaan dengan merujuk karya kedua-dua tokoh iaitu kitab yang berjudul *Mizān al-'Amal* oleh al-Ghazālī serta kitab *Hujjah Allah al-Balighah* oleh al-Dihlawī. Terdapat persamaan dan perbezaan dalam

pemikiran kedua-dua tokoh tentang konsep kebahagiaan. Antara persamaan yang dimaksudkan ialah dalam aspek kaedah manusia mendapatkan kebahagiaan iaitu melalui pemantapan ilmu dan amal. Perbezaan pemikiran kedua-dua tokoh pula dapat dilihat dalam aspek penekanan terhadap beberapa keutamaan dalam mendapatkan kebahagiaan, di mana al-Ghazālī menekankan empat sifat utama iaitu kebijaksanaan, keberanian, pemeliharaan diri dan keseimbangan. Al-Dihlawī pula menekankan kepada empat akhlak utama iaitu kesucian, kepatuhan kepada Tuhan, kemurahan hati dan keadilan. Kajian juga diharapkan dapat dijadikan panduan kepada umat manusia untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat.<sup>55</sup>

Kajian di atas menghuraikan peranan sifat dalam mencapai kebahagiaan di mana al-Ghazālī menekankan empat sifat utama iaitu kebijaksanaan, keberanian, pemeliharaan diri dan keseimbangan, manakala al-Dihlawī menekankan kepada empat akhlak utama iaitu kesucian, kepatuhan kepada Tuhan, kemurahan hati dan keadilan. Jelaslah, akhlak dan sifat turut memainkan peranan dalam mencapai kebahagiaan.

Kajian Nurul Asiah Fasehah turut membincangkan konsep *sa'ādah* dalam al-Qur'ān dan al-Sunnah dengan menganalisis berdasarkan pandangan al-Ghazālī. Kajian beliau menggunakan kaedah kualitatif bertujuan meneliti konsep sebenar *sa'ādah* dari perspektif al-Qur'ān dan al-Sunnah dengan merujuk teori kebahagiaan yang diperkenalkan oleh al-Ghazālī, untuk menunjukkan makna sebenar kebahagiaan dalam kehidupan dan menghindarkan manusia dari mencari kebahagiaan yang sia-sia. Kajian ini turut merujuk karya terkenal al-Ghazālī yang berkaitan dengan konsep *sa'ādah* seperti

---

<sup>55</sup> Noraini Junoh, "Perbandingan Konsep al-Sa'adah menurut al-Ghazali dan al-Dihlawi," dalam *Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization*, ed. Rahimah Embong et al., (Kuala Terengganu, Terengganu: Research Institute for Islamic Product and Malay Civilization (INSPIRE), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 2017), h. 269.

*Kīmīyā' al-Sa'ādah, Bidāyah al-Hidāyah, Mizān al-'Amal, dan Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* dan lain-lain lagi. Kajian mendapati konsep kebahagiaan al-Ghazālī menumpukan terhadap kebahagiaan di akhirat, tetapi pada masa yang sama tidak mengabaikan kebahagiaan di dunia. Untuk mencapai kebahagiaan, al-Ghazālī menyarankan agar seseorang memperbaiki jiwanya serta perlu mempunyai ilmu pengetahuan dan bertindak untuk mencapai kebahagiaan tersebut. Kajian mencadangkan ilmu dan tindakan saling berkait antara satu sama lain. Manusia mesti mendapatkan ilmu pengetahuan dan bertindak untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat.<sup>56</sup>

Berdasarkan perbincangan di atas, al-Ghazālī mengesyorkan bahawa seseorang perlu memperbaiki jiwanya serta perlu mempunyai ilmu dan bertindak untuk mencapai kebahagiaan yang diinginkan. Dalam kajian sebelum ini oleh Noraini Junoh, al-Ghazālī turut menyatakan kebahagiaan juga dapat dicapai melalui empat sifat utama iaitu bijaksana, berani, memelihara diri dan seimbang.

Masih dalam perbincangan konsep *sa'ādah* menurut al-Ghazālī, kajian seterusnya dilakukan oleh Ismail Anshari. Kajian beliau merupakan kajian yang menumpukan terhadap perbincangan konsep *sa'ādah* berdasarkan pandangan dua orang tokoh tasawuf iaitu al-Ghazālī dan Ibn 'Arabī. Dalam membincangkan konsep *sa'ādah*, kajian ini turut tidak mengenyahkan pemikiran tokoh lain dalam Islam mahupun dari luar kalangan Islam. Hasil kajian mendapati bahawa kedua-dua tokoh mengakui puncak perjalanan tasawuf adalah *sa'ādah* hakiki iaitu *sa'ādah* jasadi dan *sa'ādah* rohani. Namun, kedua-dua tokoh berbeza pendapat mengenai kaedah mencapai *sa'ādah*

---

<sup>56</sup> Nurul Asiah Fasehah Muhamad, *Al-Sa'ādah in the Qur'ān and Sunnah: An Analysis of al-Ghazālī's Views* (Master Dissertation, Kulliyah Of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia, 2010), h. ii.